

Sinar Rohani

سینار روھانی

Pembimbing
Ummah

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA / BIL. B3 TAHUN 20 / WWW.ISLAM.GOV.MY ISU 2/2017

ISU
2

Pendekatan
al-Qur'an
MENANGANI ZINA

Mencari
Ketenangan Jiwa

Ibrah
daripada Sirah

PERCUMA

ISSN 1511-1903



9 771511 190108



Keinsafan Seorang Anak

Tangisan seorang ibu yang hidup sebatang kara,
Tiada tempat bergantung dan meminta,
Sering teringat anak yang menyepi tanpa berita,
Suasana sebak dan pilu membaluti suasana.


Ajal dan maut datang tanpa dipinta,
Tidak terlewat dan tidak terawal, datang tepat pada masanya,
Ibu yang penyayang telah dijemput Yang Maha Esa,
Tanda kasih Yang Maha Pencipta.

Setelah kehilangan ibu tercinta,
Keinsafan seorang anak mulai datang menyapa,
Penyesalan sudah tidak berguna,
Hidup bagaikan sudah tidak bermakna.

Sedih dan kecewa menjadi peneman yang setia,
Jiwa kacau sentiasa bertandang tanpa dipinta,
Bagaikan anak yang derhaka,
Hidupnya gelap dan derita.

Nukilan: Maira MS

KANDUNGAN



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan majalah ini dalam segala bentuk dan dengan pelbagai cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Sinar Rohani diterbitkan secara *online* oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bermula tahun 2016/1437H.

Sidang Pengarang berhak melakukan perubahan ke atas karya yang dikirimkan selagi tidak mengubah isi kandungannya. Karya yang telah disiarkan boleh diterbitkan semula dengan syarat mendapat keizinan daripada Ketua Pengarah JAKIM.

Semua sumbangan yang dikirimkan sama ada disiarkan atau tidak, tidak akan dikembalikan. Sidang Pengarang juga tidak bertanggungjawab berkaitan kehilangan tulisan yang dikirim melalui pos atau e-mel.

Artikel yang disiarkan dalam majalah ini tidak semestinya mencerminkan pendirian dasar JAKIM. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

- | | | | |
|-----------|---|---------------|---|
| 1 | Sajak/Puisi
Keinsafan Seorang Anak | 19 | Ziarah Masjid di Malaysia
Kedah Darul Aman |
| 2 | Laman Pengarang
Menghargai Masa | 24 | Sains dan Islam
Kemunduran Umat Islam dalam Bidang Sains dan Teknologi |
| 3 | Pengurusan Islam
<i>Ibrah</i> daripada Sirah | 27 | Cerpen
Desiran Ombak |
| 6 | Aqidah
Menjauhi Sihir
Menghindari Syirik | Global | Pendekaran al-Qur'an
Menangani Zina |
| 9 | Isu
Mencari Ketenangan Jiwa | 31 | Muamalat
Waqaf Pelaburan
Akhirat |
| 12 | Islam dan Semasa
Membezakan
Antara Radikal dan Radikalisme | 36 | Sinar Jumaat
Hargai Diri dengan Menghargai Alam |
| 16 | Halal dan Haram
Penawar Hati | 40 | |

MENGHARGAI MASA

Hari demi hari dirasakan amat cepat berlalu. Siang dan malam silih berganti. Tanpa kita sedari tahun 2017 telah meninggalkan kita semua. Segala peristiwa pahit dan manis sepanjang tahun 2017 menjadi ‘kenangan’ yang amat berharga dalam kehidupan. Sudah pasti kenangan yang amat sukar dilupakan terutamanya ‘kehilangan orang tersayang’, akan tetap terpahat kukuh buat selama-lamanya. Kita tidak mampu untuk menghalang perjalanan masa, namun kita masih berpeluang untuk menghargai masa.

Kejayaan hanya menjadi milik orang yang menghargai masa. Orang yang beriman, beramal soleh dan saling menasihati tanpa jemu merupakan antara personaliti orang yang menghargai masa. Hal ini terbukti dengan jelas menerusi firman Allah SWT yang bermaksud: “Demi masal! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan beramal soleh. Mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran, serta berpesan-pesan dengan sabar.” (al-‘Asr : 1 – 3).

Akhirnya, sama-sama lah kita menjadi orang yang menghargai masa. Setiap detik dimanfaatkan, bukan disiasakan. Hari esok belum tentu kita berkesempatan untuk hidup. Apabila ajal datang menjemput, tidak terlewat dan tidak terawal walaupun sedetik.

Salam hormat. **SR**
Pengarang

Sidang Redaksi

PENAUNG

Tan Sri Dato' Haji Othman bin Mustapha
(Ketua Pengarah JAKIM)

PENASIHAT

Datuk Haji Zainal Abidin bin Jaffar
(Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Insan JAKIM)

KETUA PENGARANG

Zainab binti Ab Rahman

PENGARANG

Nor Hashimah binti Embong

PENOLONG PENGARANG

Azura binti Ibrahim

PENYUNTING

Baharuddin bin Malek
Nor Simah binti Khalim
Siti Kasmah binti Kassim

PENGURUS EDARAN

Mohd Rashidi bin Mohd Jamil

PEMBANTU EDARAN

Erniza binti Mat Kassim
Mohd Shuhaidil bin Shukri

REKABENTUK

ZAZ Alliance

EMEL

sinar.islam@1govuc.gov.my

Ibrah daripada Sirah

MOHAMMAD ZAKI YAHPAR YAHYA
PENOLONG PENGARAH
MASJID PUTRA, JAKIM

- ✿ Firman Allah SWT yang bermaksud: "Demi sesungguhnya! Kisah nabi-nabi itu mengandungi pengajaran yang mendatangkan iktibar bagi orang yang mempunyai akal fikiran. (Kisah nabi-nabi yang terkandung dalam al-Qur'an) bukanlah cerita yang diada-adakan, tetapi ia mengesahkan apa yang terkandung dalam kitab-kitab agama yang terdahulu. Ia sebagai keterangan yang menjelaskan setiap sesuatu, serta menjadi hidayah dan rahmat bagi kaum yang (mahu) beriman." (Yusuf: 111).
- ✿ Firman Allah SWT juga yang bermaksud "Bacakanlah pula kepada mereka perihal Nabi Ibrahim AS." (asy-Syu'ara': 69).

Menyingkap kembali sejarah ibadah korban, ia bermula dengan wahyu Allah SWT kepada Nabi Ibrahim AS yang disampaikan melalui mimpi untuk menyembelih puteranya, Nabi Ismail AS. Ia merupakan satu perintah yang sangat besar dan berat. Penantian Nabi Ibrahim AS yang lama untuk mendapatkan anak, dengan doa yang dilantunkan dengan penuh pengharapan, akhirnya ditunaikan oleh Allah SWT. Kisah ini terakam menerusi firman Allah SWT yang bermaksud: "Wahai Tuhanku, kurnikanlah kepadaku anak yang terhitung dalam kalangan orang yang soleh! Lalu Kami memberikan kepadanya berita gembira bahawa dia akan beroleh seorang anak yang penyabar." (as-Saffat: 100 - 101).

Kegembiraan Nabi Ibrahim AS terhadap kurniaan anak itu seterusnya diuji pula oleh Allah SWT dengan satu perintah yang sangat besar. Dalam beberapa tahun selepas itu, Allah SWT menyampaikan wahyu kepada Nabi Ibrahim AS untuk menyembelih puteranya itu. Keimanan dan ketaatan yang tinggi dimiliki oleh Nabi Ibrahim AS. Wahyu yang disampaikan itu diterima dengan hati yang ikhlas dan

redha sepenuhnya tanpa sebarang bantahan atau rasa berbelah bahagi untuk melaksanakannya. Begitu juga dengan penerimaan Nabi Ismail AS terhadap perintah yang diterima oleh bapanya itu. Nabi Ismail AS menerima dengan hati yang terbuka dan ikhlas tanpa ada sebarang penolakan. Disebut seterusnya menerusi Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Apabila anaknya itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim AS berkata: Wahai anak kesayanganku, sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu! Maka fikirkanlah apa pendapatmu? Anaknya menjawab: "Wahai ayah, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu. Insya-Allah, ayah akan mendapati aku dalam kalangan orang yang sabar."* (as-Saffat: 102)

Para ibu bapa harus menyedari bahawa anak-anak itu bukan sekadar orang yang akan mewarisi harta, namun yang paling penting adalah anak itu mampu mewarisi agama dan iman. Kita boleh berbangga memiliki anak-anak yang kaya, berilmu atau mempunyai kerjaya yang hebat. Namun sesungguhnya yang harus kita fikirkan lebih mendalam ialah kefahaman mereka dalam beragama. Adakah sesudah kematian kita nanti anak-anak itu masih rukuk dan sujud kepada Allah SWT? Inilah yang harus direnungkan dari lubuk hati yang dalam.

Kisah pensyariatan ibadah korban yang berlaku kepada Nabi Ibrahim AS ini memiliki banyak pengajaran dan teladan. Mengambil *ibrah* daripada peristiwa Nabi Ibrahim AS dengan puteranya, Nabi Ismail AS, kita mengetahui bahawa semakin tinggi tahap keimanan seseorang itu, maka semakin besar dan berat ujian yang menantinya. Harta, pasangan hidup, anak-anak dan bermacam lagi kesenangan hidup di dunia ini hakikatnya pinjaman sementara. Allah SWT berhak mengambil semula yang telah dipinjamkan-Nya tanpa menanti persetujuan dan kerelaan kita. Anak, misalnya, merupakan salah satu ujian dan amanah yang terbesar dipertanggungjawabkan kepada seseorang manusia. Para ibu bapa sanggup berkorban demi kesejahteraan anak-anak mereka. Sebagaimana doa yang dilantunkan oleh Nabi Ibrahim AS ketika memohon dikurniakan anak. Menurut Ibn Kathir doa tersebut dilantunkan oleh Nabi Ibrahim AS kepada Allah SWT supaya dikurniakan anak yang soleh, taat dan patuh, serta menjadi penghibur dan peneman dirinya setelah terpisah jauh daripada keluarga. Bagi Nabi Ibrahim AS, anak itu bukan sekadar orang yang akan menyambung keturunan, bukan juga orang yang akan mewarisi harta, namun yang terpenting baginya ialah anak itu harus mampu mewarisi iman dan agama.

Prinsip inilah yang semestinya dijadikan contoh dalam mendidik anak-anak. Para ibu bapa harus menyedari bahawa anak-anak itu bukan sekadar orang yang akan mewarisi harta, namun yang paling penting adalah anak-anak tersebut mampu mewarisi agama dan iman. Kita boleh berbangga memiliki anak-anak yang kaya, berilmu atau mempunyai kerjaya yang hebat. Namun sesungguhnya yang harus kita fikirkan lebih mendalam ialah kefahaman mereka dalam beragama. Adakah sesudah kematian kita nanti anak-anak tersebut masih rukuk dan sujud kepada Allah SWT? Inilah yang harus direnungkan dari lubuk hati yang dalam.

Pensyariatan ibadah korban mengandungi tiga dimensi yang besar. Dimensi pertama dari segi aqidah. Ibadah korban yang dilakukan oleh Nabi Ibrahim AS mampu membebaskan dirinya daripada penghambaan kepada keduniaan dan dalam situasi sebegini anak yang dicintainya Nabi Ismail AS, menuju penghambaan kepada Allah SWT semata-mata. Nabi Ibrahim AS memperlihatkan keimanan, patuhan dan ketaatannya hanya kepada Allah SWT.

Kedua, dimensi spiritual. Ibadah korban merupakan medium pembuktian keimanan kita kepada Allah SWT. Perkataan korban yang secara bahasa bererti 'dekat', dimaksudkan sebagai jalan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT secara mendekatkan diri kepada sesama manusia menerusi ibadah korban. Imam al-Ghazali menegaskan bahawa penyembelihan binatang korban ialah sebagai simbol daripada penyembelihan atau menghilangkan sifat-sifat kebinatangan yang ada pada manusia, seperti sifat rakus, tamak dan pelbagai lagi. Menerusi ibadah korban, mudah-mudahan semua manusia dapat membuang sifat-sifat kebinatangan yang dapat mengundang musibah dan bencana.

Manakala yang **ketiga dari dimensi sosial.** Setiap ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT terkandung maslahat dan manfaat bagi kehidupan manusia termasuk ibadah korban, zakat, sedekah, waqaf, solat, haji, puasa dan aqiqah yang terkandung nilai-nilai sosial yang saling cakna kepada sesama manusia. Menerusi ibadah korban mencetuskan kesedaran dalam diri untuk sentiasa mengambil berat tentang keadaan saudara seiman yang lain. Ia juga boleh merapatkan jurang antara si kaya dengan si miskin melalui gotong-royong dan pembahagian daging korban. Jadi tujuan ibadah korban tidak hanya untuk mencapai kemaslahatan akhirat tetapi juga untuk kemaslahatan dunia kerana setiap hukum syariah terkandung tujuan syariat (*Maqasid as-Syari'ah*), iaitu tercapainya kemaslahatan dunia dan akhirat.

Ibadah korban yang telah disyariatkan mengajar kepada kita tentang erti kecintaan dan kepatuhan kepada Allah SWT. Selaku hamba kepada Allah al-Khaliq, sewajibnya kita meletakkan kecintaan kita kepada Allah SWT setinggi yang mungkin, melebihi kecintaan kepada pasangan, anak pinak, harta dan sebagainya. Meneladani kecintaan dan kepatuhan Nabi Ibrahim AS dan Nabi Ismail AS kepada Allah SWT ketika diperintahkan untuk meninggalkan anak dan isterinya, Saidatina Hajar di padang pasir yang tandus juga ketika diperintahkan untuk menyembelih puteranya dan pelbagai lagi perintah yang berat. Begitu juga dengan kecintaan Rasulullah SAW kepada Allah SWT dan kepatuhannya dalam menerima sesuatu perintah daripada Allah SWT. Sesungguhnya pada keperibadian para rasul terdapat pelbagai teladan yang perlu dicontohi oleh kita umat manusia.

Kecintaan kepada Allah SWT juga seterusnya perlu diikuti dengan kecintaan kepada Rasulullah SAW. Firman Allah SWT yang bermaksud "*Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa-dosa kamu. (Ingatlah), Allah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih.*" (ali 'Imran : 31).

Nabi Ibrahim AS juga telah menunjukkan kepada kita bahawa hakikat kepemimpinan menerusi sifat amanah, perjuangan dan pengorbanan. Aspek sebegini sudah semakin dilupakan. Ramai orang yang menganggap kepemimpinan dan jawatan merupakan peluang dan kekuasaan. Anggapan sebegini menyebabkan ada yang terlupa dengan amanah yang wajib disempurnakan bagi memberi perkhidmatan kepada rakyat yang dipimpin. Konsep pengorbanan dalam memberi perkhidmatan dan menjalankan tanggungjawab telah mula pudar sekarang ini. Tidak ramai yang bersedia memberi khidmat secara sukarela kepada masyarakat mutakhir ini. Segala khidmat perlu berbayar hatta kerja-kerja yang dahulunya hanya dibuat sebagai membantu masyarakat, sekarang telah menjadi sumber perniagaan yang berdasarkan keuntungan. Renungi firman Allah SWT yang bermaksud: "*Sesungguhnya kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Muhammad), kebaikan yang banyak (di dunia dan di akhirat). Oleh itu, kerjakanlah sembahyang kerana Tuhanmu semata-mata dan sembelihlah korban (sebagai tanda bersyukur). Sesungguhnya orang yang membenci engkau, dia adalah yang terputus (daripada mendapat sebarang perkara yang diingininya).*" (al-Kauthar: 1 - 3). SR

MENJAUHI SIHIR

MENGHINDARI SYIRIK

MOHAMAD FADZIL AWANG

MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)

Islam milarang umatnya untuk melibatkan diri dengan perbuatan sihir kerana sihir adalah amalan syaitan dan sesiapa yang melibatkan diri atau melakukan amalan tersebut akan mendapat azab seksa yang pedih daripada Allah SWT. Persoalan yang timbul, segelintir masyarakat Islam hari ini mempercayai dan menggunakan khidmat bomoh atau dukun demi untuk memenuhi kepuasan diri mereka seperti menyihir orang yang dibenci, khidmat susuk untuk menjaga kecantikan diri, mendapatkan rawatan bagi penyakit yang berpunca daripada gangguan jin dan syaitan. Selain itu, ada juga antara mereka yang mendapatkan khidmat bomoh bagi tujuan mlariskan perniagaan yang diusahakan. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah (semuanya) kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya."* (al-Ma'idah: 90).

Islam milarang keras umatnya terlibat secara sengaja mahupun tidak dengan amalan sihir seperti mendapatkan khidmat bomoh untuk mengetahui perkara ghaib dan menenung nasib diri akan datang. Hal ini kerana, setiap amalan sihir yang dilakukan sebenarnya memerlukan khidmat jin dan syaitan sebagai perantara yang menjadikan sesuatu ilmu sihir



tersebut berjaya. Allah SWT telah memberi peringatan kepada umat manusia agar menjauhkan diri daripada bersahabat dengan jin dan syaitan yang sememangnya musuh utama manusia di dunia ini. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"(Ingatkanlah peristiwa) ketika Kami berfirman kepada malaikat: "Sujudlah kamu kepada Adam;" lalu mereka sujud melainkan Iblis; ia adalah berasal daripada golongan jin, lalu ia menderhaka terhadap perintah Tuhanmu. Oleh itu, patutkah kamu hendak menjadikan Iblis dan keturunannya sebagai sahabat karib yang menjadi pemimpin selain-Ku? Sedangkan mereka itu ialah musuh bagi kamu. Amatlah buruknya bagi orang yang zalim: Pengganti yang dipilih oleh mereka itu."* (al-Kahfi: 50).



Dalam pada itu, bomoh yang sesat kebanyakannya menggunakan pelbagai kaedah yang amat bertentangan dengan ajaran Islam. Mereka menggunakan sihir sebagai jalan pengubatan sesuatu penyakit atau memenuhi tuntutan pelanggan yang mendapatkan khidmatnya. Dalam ajaran Islam, sihir yang diperoleh secara bersahabat dengan jin kafir dan syaitan adalah perkara yang amat dilarang keras oleh Allah SWT. Maka dengan itu jelaslah bahawa amalan sihir merupakan rencana syaitan yang menginginkan manusia sentiasa sesat dan melakukan perbuatan syirik kepada Allah SWT. Sedar atau tidak, perbuatan tersebut secara tidak langsung telah membelaangi kekuasaan Allah SWT yang sememangnya Tuhan Yang Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu.



Sihir secara umumnya berasal daripada perkataan bahasa Arab yang bermaksud sesuatu yang tersembunyi atau terselindung yang berlaku secara halus dan tidak dapat dilihat dengan mata kasar manusia. Erti kata lain, sihir adalah perbuatan yang berbentuk kata-kata, jampi serapah atau ramuan, ubat-ubatan atau menggunakan kepulan asap bagi mendampingi syaitan sebagai perantara sihir. Dalam pada itu, amalan sihir juga termasuk dalam amalan syaitan kerana dengan amalan sihir pelakunya telah mendekatkan diri kepada syaitan untuk mendapatkan bantuan dengan melakukan perbuatan yang dikehendaki oleh syaitan. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekuat-Nya (dengan sesuatu apajua) dan akan mengampunkan dosa selain daripada itu untuk sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut aturan syariat-Nya). Sesiapa yang mempersekuat Allah (dengan sesuatu yang lain), maka sesungguhnya dia telah melakukan dosa yang besar.”* (an-Nisa': 48).

Rasulullah SAW turut bersabda yang bermaksud: *“Jauhilah tujuh dosa besar.”* Sahabat berkata: *“Wahai Rasulullah, apakah tujuh dosa besar tersebut? Lalu Baginda SAW bersabda, “Syirik kepada Allah SWT dan melakukan perbuatan sihir.”* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).





Lantaran itu, mengamalkan amalan sihir mahupun melibatkan diri dengan sihir merupakan salah satu perbuatan syirik terhadap Allah SWT. Hal ini kerana, sihir adalah perbuatan yang menyebabkan penafian kebergantungan seseorang dengan Allah SWT dan meletakkan jin dan syaitan sebagai Tuhan yang berkuasa ke atas setiap sesuatu. Ketahuilah bahawa sejak penciptaan Nabi Adam AS, syaitan telah berjanji dan bersumpah dengan Allah SWT akan menyesatkan umat manusia sehingga hari kiamat. Firman-Nya yang bermaksud: *"Kalau demikian, keluarlah engkau daripadanya, kerana sesungguhnya engkau adalah makhluk yang diusir. Sesungguhnya engkau ditimpak lakanat-Ku terus-menerus hingga ke hari kiamat!"* Iblis berkata: *"Wahai Tuhanaku, jika demikian, berilah tempat kepadaku hingga ke hari mereka dibangkitkan (hari kiamat),"* Allah berfirman: *"Dengan permohonanmu itu sesungguhnya engkau daripada golongan yang diberi tempoh - "Hingga ke hari masa yang termaklum."* Iblis berkata: *"Demi kekuasaan-Mu (wahai Tuhanaku), aku akan menyesatkan mereka kesemuanya, "kecuali hamba-hamba-Mu dalam kalangan zuriat Adam itu yang dibersihkan daripada sebarang kederhakaan dan penyelewengan."* Allah berfirman: *"Maka Akulah Tuhan yang sebenar-benarnya dan hanya perkara yang benar Aku firmankan."* *"Demi sesungguhnya! Aku akan memenuhi neraka Jahanam dengan jenismu dan dengan orang yang menurutmu dalam kalangan zuriat Adam (yang derhaka) kesemuanya."* (Sod: 77 - 85).

Oleh yang demikian, sebagai hamba Allah SWT yang mentaati perintah-Nya dan mengakui beriman dengan kekuasaan-Nya, tidak wajar bagi

kita melibatkan diri secara sengaja mahupun tidak dengan perbuatan sihir. Ketahuilah bahawa Allah SWT adalah Tuhan Yang Maha Berkuasa ke atas setiap sesuatu dan tidak ada kuasa yang boleh menandingi kekuasaan-Nya. Sekiranya kita ingin melaraskan perniagaan yang kita usahakan, tidak perlu bagi kita untuk mendapatkan khidmat bomoh bagi tujuan tersebut kerana hanya Allah SWT tempat kita memohon pertolongan bagi sesuatu perkara. Allah SWT berfirman yang bermaksud: *"Apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruanku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul."* (al-Baqarah: 186)

Kesimpulan: Marilah kita menjauhkan diri daripada segala perbuatan yang boleh menjurus kepada perbuatan syirik kepada Allah SWT. Jangan hanya kerana perbuatan tersebut menjadi penyebab utama segala amalan kebaikan yang kita lakukan tidak diterima oleh Allah SWT, seterusnya penghalang untuk kita masuk ke dalam syurga Allah SWT. Kita sebagai hamba Allah SWT seharusnya sentiasa menjaga batasan hubungan kepada-Nya dan sentiasa berusaha menjadi hamba yang mendapat keredhaan daripada-Nya. Oleh itu, seharusnya kita meyakini bahawa hanya Allah SWT Yang Maha Berkuasa dan tidak ada kuasa lain yang mampu menandingi kekuasaan-Nya dan hanya Allah SWT yang berhak menentukan sesuatu perkara terhadap hamba-hamba-Nya. SR



Mencari Ketenangan Jiwa

NOR HASHIMAH EMBONG
PENOLONG PENGARAH KANAN
BAHAGIAN PENERBITAN, JAKIM

Terhakis Nilai Kemanusiaan

Tidak disangka punca utama terjadinya kebakaran tersebut adalah disebabkan perselisihan faham yang tercetus antara lima pelajar tahfiz dengan tujuh remaja di kawasan Taman Datuk Keramat, Kuala Lumpur. Bermula daripada punca yang kecil sahaja sehingga sanggup merancang untuk melakukan kebakaran yang mengakibatkan 23 nyawa terkorban. Rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di pejabat Persatuan Pengguna Islam Malaysia yang terletak bersebelahan dengan pusat tahfiz tersebut merakam kelibat lelaki memanjat pagar pusat berkenaan pada jam 3.10 pagi, dua jam sebelum kejadian kebakaran tersebut.

Hati ini amat tersentap, kecewa dan sedih, apabila terbukti perbuatan membakar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah dilakukan oleh anak-anak yang masih terlalu muda usianya. Anak-anak yang mengalami konflik undang-undang ini seramai tujuh orang. Seorang berusia 18 tahun (paling tua) yang bertindak selaku dalang utama. Diikuti seorang berusia 17 tahun. Seramai tiga orang berusia 16 tahun. Seorang berusia 15 tahun dan seorang lagi yang paling muda berusia 12 tahun. Bayangkan dalam usia yang masih terlalu muda dan mentah mereka sanggup melakukan perbuatan kejam sebegini. Nilai-nilai kemanusiaan telah terhakis dalam diri. Tiada lagi perasaan belas kasihan apabila perasaan dendam menguasai fikiran. Pelbagai persoalan muncul di minda. Antaranya:



Ketika azan subuh berkumandang, api sedang marak membakar Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Dato' Keramat, Kuala Lumpur. Kejadian kebakaran yang berlaku pada 14 September 2017 amat sukar dilupakan terutama bagi keluarga mangsa yang terlibat. Menurut saksi kejadian, pada permulaannya kedengaran suara anak-anak yang meminta tolong, lambaan tangan anak-anak yang meminta pertolongan, namun akhirnya terhenti tanpa sempat diselamatkan. Kejadian kebakaran berlaku dengan amat pantas. Laluan pintu utama terhalang. Tiada jalan keluar untuk mangsa menyelamatkan diri. Kesemua mangsa terperangkap. Kebakaran yang dirancang itu memang dengan niat untuk membunuh. Seramai 21 pelajar dan dua warden telah pergi meninggalkan kita buat selama-lamanya. Kejadian kebakaran tersebut menyebabkan banyak hati yang terguris, remuk dan kesedihan yang tidak terucap menerusi kata-kata. Tercetus pelbagai perasaan yang bercampur baur antara sedih, marah, geram dan redha. Hanya kepada Allah SWT tempat mengadu serta pasrah dengan ketentuan-Nya. Hukuman yang setimpal tidak dapat dikenakan kerana pelaku merupakan anak-anak yang masih terlalu muda usianya.

“Kenapakah perbuatan kejam sebegini berlaku?”

“Di manakah nilai kemanusiaan sehingga sanggup merancang perbuatan terukuk sebegini?”

“Di manakah peranan ibu bapa yang menjaga dan memantau anak-anak ini?”



Selain daripada peristiwa kebakaran tersebut, mutakhir ini kita sering digemparkan dengan berita-berita yang menggambarkan keruntuhan akhlak. Antaranya: Kelahiran anak tak sah taraf semakin bertambah dari hari ke hari. Ada yang sanggup membunuh anak-anak yang tidak berdosa ini kerana ingin ‘menutup ketelanjuran’ akibat terpedaya dengan bisikan iblis. Anak-anak yang dilahirkan tanpa diundang ini diperlakukan seperti sampah. Dibuang dan dicampak sesuka hati. Ada yang ditemui di dalam sungai, semak, tempat pembuangan sampah dan sebagainya. Setelah terjebak dengan perlakuan zina, ada yang sanggup menambah dosa lagi dengan membunuh. Mungkin ada yang beranggapan dengan membunuh anak-anak tak sah taraf ini dapat menutup perlakuan zina yang telah dilakukan, namun mungkin ada yang

terlupa, perlakuan tersebut tidak dapat disembunyikan daripada pengetahuan Allah SWT.

Realiti kejadian yang berlaku tercetus daripada jiwa yang kacau. Lantaran itu, ketenangan jiwa perlu dicari, dipupuk dan direalisasikan dalam kehidupan menerusi:

● Menjaga Kesucian Hati

Ketenangan jiwa hanya dapat dicari menerusi kesucian hati. Hanya menerusi hati yang suci sahaja dapat menyelamatkan diri ketika menghadap Allah SWT kelak. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“Pada hari yang harta benda dan anak pinak tidak dapat memberikan sebarang pertolongan, kecuali (harta benda dan anak pinak) orang yang datang menghadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (daripada syirik dan penyakit munafik).”* (asy-Syu‘ara’:88-89).

Hati yang suci dapat meleraikan segala permasalahan yang berlaku. Sentiasa memujuk hati supaya berfikiran positif terutamanya ketika menghadapi dugaan atau musibah daripada Allah SWT. Orang yang hidupnya sentiasa diselubungi perasaan dendam, amat sukar untuk mendapat ketenangan jiwa. Memaaafkan bukan dapat mengembalikan masa lalu, namun sekurang-kurangnya jiwa kita akan merasa tenang. Sekiranya kita merasakan masih berada dalam keadaan tidak tenang walaupun di bibir telah melafazkan ucapan ‘memaaafkan,’ itu bermakna kita belum lagi benar-benar memaaafkan seseorang. Kita boleh menipu orang lain, namun kita tidak boleh menipu diri sendiri. Jadilah orang yang sentiasa ikhlas terhadap diri sendiri dan orang lain. Sifat munafik dengan berpura-pura ibarat “*talam dua muka*” perlu dielakkan dalam kehidupan. *“Berkata benar sekalipun pahit”* merupakan sifat Muslim sejati.

● Menunaikan Amanah

Sifat amanah memainkan peranan penting dalam menerajui kehidupan sehari-hari. Dalam konteks penjawat awam, amanah ini disebut sebagai ‘integriti.’ Menerusi sesebuah organisasi contohnya, apabila setiap orang bermula dari peringkat atasan sehingga bawahan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan hidup

akan menjadi tenang. Namun suasana sebaliknya akan berlaku apabila ada yang melepaskan kerjanya kepada orang lain. Bayangkan rakan sekerja yang telah mempunyai tugas hakiki yang ditetapkan oleh jabatan terpaksa menyelesaikan kerja yang menjadi tugas orang lain. Dalam keadaan sebegini, ketidakadilan akan berlaku. Perasaan tertekan akan menghantui diri dan wujudnya suasana kerja yang tidak teratur. Banyak kerja yang sepatutnya dapat disiapkan dalam tempoh tertentu, tertunda kerana terpaksa menyelesaikan segala kerja yang menjadi tugas orang lain. Budaya kerja yang tidak sihat sebegini perlu dibendung. Setiap orang perlu memainkan peranan masing-masing dengan menunaikan amanah yang telah dipertanggungjawabkan ketika hidup di dunia. Menerusi sifat amanah ini jualah yang akan menentukan sama ada kita penghuni syurga atau neraka.

Melawan Bisikan Iblis

Dendam kesumat iblis bermula setelah Allah SWT memerintahkan para malaikat dan iblis tunduk kepada Nabi Adam AS. Kesemuanya tunduk melainkan iblis. Firman Allah SWT yang bermaksud: *“(Inatlah), ketika Kami berfirman kepada malaikat: “Tunduklah (beri hormat) kepada Nabi Adam AS. Lalu mereka sekaliannya tunduk memberi hormat kecuali iblis; ia enggan dan takbur, menjadilah ia daripada golongan yang kafir.”* (al-Baqarah: 34).



Perasaan was-was merupakan antara bisikan iblis yang bertujuan untuk menimbulkan perasaan tidak yakin dalam diri seseorang. Perasaan was-was dapat dihindari dengan sentiasa membaca surah an-Nas. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Katakanlah (wahai Muhammad): “Aku berlindung kepada (Allah) pemelihara sekalian manusia. “Yang menguasai sekalian manusia. “Tuhan yang berhak disembah oleh sekalian manusia. “Daripada kejahatan pembisik, penghasut yang timbul tenggelam. “Yang melemparkan bisikan dan hasutannya ke dalam hati manusia.” (an-Nas 1-5).

Iblis telah bersumpah untuk memperdayakan keturunan Adam sehingga hari kiamat. Menyedari sumpahan iblis ini sama-sama kita menjaga keimanan dan ketaqwaan sebagai benteng menyelamatkan diri daripada bisikan iblis. Renungi dan hayati firman Allah SWT yang bermaksud: *“Iblis berkata: “Wahai Tuhanku, kerana Engkau telah menjadikan aku sesat, demi sesungguhnya! Aku akan memperlok segala jenis maksiat kepada Adam dan zuriatnya di dunia ini dan aku akan menyesatkan mereka kesemuanya.” “Kecuali antara zuriat-zuriat Adam itu hamba-hamba-Mu yang dibersihkan daripada sebarang syirik.”* (al-Hijr: 39-40).

Kesimpulan: Ketenangan jiwa akan dapat dicapai dengan menjaga kesucian hati, menunaikan amanah dan melawan bisikan iblis. Hati yang tenang jelas terpancar menerusi wajah yang bersih, tenang dan bercahaya. Wajah orang yang beriman menyajukkan mata yang memandang. Apabila dalaman bersih daripada sifat-sifat mazmumah, hidup pasti menjadi tenang. Jiwa yang kacau dapat diubati dengan membaca al-Qur'an dan sentiasa berzikir kepada Allah SWT. Berpegang dengan al-Qur'an dan as-Sunnah nescaya kita tidak akan sesat buat selama-lamanya, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Aku telah tinggalkan kepada kamu dua perkara, selagi kamu mengikutinya, kamu tidak akan sesat buat selama-lamanya. Dua perkara itu ialah Kitab Allah dan sunnahku.”*

(Riwayat Imam Malik). SR

MEMBEZAKAN ANTARA RADIKAL dan RADIKALISME

DR. BURHANUDDIN JALAL

PENSYARAH KANAN

UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA


Radikal dan radikalisme merupakan dua istilah yang sering dikaitkan dengan tindakan kekerasan yang juga dikaitkan dengan keagamaan dan juga tindakan *terrorism*. Salah satu pendekatan bagi mencegah terus berlakunya *terrorism* ialah melalui strategi de-radikalasi. Sebelum ini isu ISIS (*Islamic State of Iraq and Syria*) dan kini isu DAESH (*al-dowla al-islaamiyya fii-il-i'raaq wa-ash-shaam*). Sering diperbincangkan dan apa sahaja kejadian keganasan yang berlaku di mana sahaja akan dikaitkan dengan kumpulan DAESH. Berlakunya keganasan atau *terrorist* yang sering dikaitkan dengan Islam masih menjadi persoalan yang sukar dijawab, walaupun terdapat beberapa kajian ilmiah yang telah dilakukan namun punca dan identiti pelaku masih menjadi persoalan dan kabur.

Siapakah sebenarnya pelaku atau pencetus keganasan ini? Terdapat pelbagai tuduhan yang mengaitkan organisasi Islam di negara-negara tertentu atau individu Muslim tertentu yang dikaitkan dengan keganasan atau *terrorist* ini, tetapi tidak ada bukti yang jelas tentang dakwaan tersebut.

Dalam konteks Malaysia, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-106 yang bersidang pada 21 - 22 Oktober 2014 telah membincangkan isu umat Islam Malaysia yang berjuang atas nama ISIS. Muzakarah telah membuat keputusan seperti berikut:

● *Islamic State of Iraq and Syria* (ISIS) atau *Islamic State of Iraq and Levant* (ISIL) merupakan rentetan dari gerakan Salafi Jihadi di Iraq yang pada asalnya terdiri daripada tiga organisasi jihad yang berbeza: iaitu Ansar al-Islam yang terdiri daripada kelompok Salafi Jihadi warga Iraq yang membentuk kawasan ‘pemerintahan Islam’ mereka yang tersendiri dan mengamalkan kehidupan Islam ortodoks dan radikal. Kedua, Kumpulan Mujahidin berasal dari Jordan di bumi Iraq yang mengisytiharkan diri mereka sebagai ‘*Jamaah al-Tawhid wa al-Jihad*’ di bawah pimpinan Abu Mus‘ab al-Zarqawi yang berhijrah ke Iraq untuk melancarkan jihad memerangi pendudukan tentera Amerika Syarikat ke atas bumi Iraq dan juga Kumpulan Mujahidin al-Qaeda yang berhijrah dari Afghanistan, akibat serangan Amerika Syarikat ke atas bumi Afghanistan selepas peristiwa 11 September 2001.

● Kebanyakan para ulama‘ Ahli Sunnah wal-Jamaah di seluruh dunia telah mengingatkan umat Islam agar tidak terpengaruh dengan kumpulan ISIS atau ISIL ini kerana ideologi keganasan dan sikap mereka yang mengkafirkan orang yang tidak sehaluan dengan mereka dan menghalalkan



darah mereka. Rakyat tidak berdosa dibunuh dan golongan Kristian dihalau dengan penuh kezaliman. Para ulama' Ahli Sunnah di seluruh dunia melabelkan ISIS atau ISIL ini sebagai Khawarij pada zaman moden dan jumhur ulama' Ahli Sunnah bersepakat mengenai kesesatan dan juga penyelewengan golongan ini dan memperingatkan umat Islam agar tidak terpedaya dengan segala propaganda ISIS atau ISIL ini.

- Sehubungan itu, berdasarkan fakta-fakta yang telah dikemukakan dan selaras dengan nas-nas Syara', Muzakarah berpandangan bahawa kecenderungan dan keghairahan umat Islam untuk berjihad atas nama ISIS atau ISIL di bumi Syria adalah berpunca daripada kekeliruan dalam memahami konsep jihad dan mati syahid yang sebenar menurut hukum Syara'. Seruan jihad dan mati syahid yang dipegang oleh mereka adalah bercanggah dengan Islam dan boleh membawa kepada kekufuran kerana mereka menghalalkan darah sesama umat Islam.
- Oleh itu, Muzakarah menegaskan bahawa tindakan umat Islam dari Malaysia yang telah ataupun yang ingin berjuang atas nama jihad di bumi Syria bagi menyokong golongan ISIS atau ISIL adalah sia-sia kerana perjuangan mereka tidak tergolong sebagai jihad dan kematian mereka juga tidak dikategorikan sebagai syahid menurut kerangka hukum Syara'.
- Muzakarah menasihatkan seluruh umat Islam di Malaysia supaya menginsafi diri dan tidak mudah terpengaruh atau terjebak dengan keganasan dan propaganda perjuangan kumpulan ISIS atau ISIL.

Secara umumnya *terrorisme* bersifat merosakkan (*ifsad*) dan anarkis (*chaos*) yang bertujuan mencipta rasa takut atau menghancurkan pihak lain, serta dilakukan tanpa matlamat yang jelas serta sasarannya tanpa terhad. Oleh yang demikian, "Bagaimakah radikal dan radikalisme itu boleh dikaitkan dengan terrorisme?"

Istilah radikal dan radikalisme berasal dari perkataan Latin iaitu 'radix, radicis. Menurut "The Concise Oxford Dictionary" (1987) perkataan tersebut bermaksud akar, sumber atau permulaan asal. Menurut "Kamus Dewan", radikal ditakrifkan sebagai sesuatu tindakan untuk mengubah atau sifat asas sesuatu atau memperjuangkan (menyokong atau cenderung kepada perubahan dasar bidang atau keadaan politik, ketatanegaraan, ekonomi, sosial dan sebagainya. Dalam pengertian yang lebih luas maksud radikal menjurus kepada perkara-perkara asas, pokok dan teras. Dalam makna yang lebih teknikal ia bermaksud asas ilmu, teras politik atau asas sosial. Menurut istilah kimia ia biasanya disebut sebagai radikal bebas. Sedangkan istilah radikalisme menurut "Kamus Dewan" ditakrifkan sebagai fahaman atau kepercayaan yang radikal dalam politik iaitu fahaman yang menginginkan perubahan yang mendadak dalam arena politik dan sosial.

Ini bermakna dari segi bahasa istilah radikal sebenarnya bersifat neutral, ia boleh jadi bersifat positif ataupun negatif. Menurut **Mitsuo Nakamura** akademis Jepun dalam tulisannya yang diterbitkan dalam "Jurnal Asian Southeast Studies Vol.19 Bil. 2 (1981)" yang merujuk organisasi Islam di Indonesia iaitu Nahdatul Ulama', beliau menyatakan: "Nahdatul Ulama' sebuah organisasi yang radikal kerana ia bersifat tradisional dan sebuah organisasi yang autonomi serta bebas."

Ini bermaksud organisasi Nahdatul Ulama' di Indonesia pada zaman pemerintahan Presiden Soeharto mempunyai sikap politik yang kritis, terbuka dan bersedia berhadapan dengan pandangan berbeza Presiden yang sekali gus Nahdatul Ulama'



mempamerkan ciri-ciri yang asas serta berpegang kepada asas Islam sekali gus dianggap sebagai radikal. Selain itu, istilah radikal juga digunakan sebagai kata yang berlawanan dengan istilah moderat. **Moderat bermaksud menggambarkan satu sikap mengambil jalan tengah ketika menghadapi sebarang konflik dengan kata lain lebih cenderung untuk bersifat kompromi, tolak ansur ataupun bersedia untuk bekerjasama.** Sebaliknya, istilah radikal bermaksud secara tekal mempertahan prinsip, idea, gagasan atau pegangan secara kuat dan utuh ketika berhadapan dengan konflik atau idea lain atau dengan kata lain *non-cooperative*. Sikap radikal dan moderat mempunyai dua contoh yang ketara dalam konteks negara kita bagi memperoleh kemerdekaan daripada pihak Inggeris.

Dalam sejarah kemerdekaan negara, terdapat dua strategi yang telah digunakan oleh parti politik tempatan bagi memastikan kemerdekaan negara iaitu strategi *non-cooperative* (radikal) yang ditunjukkan oleh parti politik berhaluan kiri pada masa itu seperti KMM, Hizbul Muslimin dan selainnya sementara parti UMNO, MCA dan MIC lebih koperatif atau moderat dengan pihak Inggeris.

Strategi radikal bermaksud tindakan penentangan secara keras terhadap pemerintah kolonial Inggeris serta tidak mahu bekerjasama dengan pihak Inggeris atau British pada waktu itu.

Pihak radikal berpendapat bahawa untuk Malaya atau Tanah Melayu pada waktu itu untuk mencapai kemerdekaan perlu dilakukan dengan jerih payah dan keringat anak watan bukan adanya campur tangan pihak Inggeris. Sebaliknya pendekatan golongan moderat pula bermaksud untuk mencapai kemerdekaan ia perlu melalui proses perundingan serta kerjasama semua kaum dan juga persetujuan bersama pihak Inggeris dan juga para pemimpin serta Raja-raja Melayu pada ketika itu. Kedua-kedua strategi atau pendekatan yang digunakan oleh parti politik di Tanah Melayu pada ketika itu bertujuan positif iaitu untuk mencapai kemerdekaan hanya kaedah dan pendekatannya sahaja yang berlainan.

Namun demikian, kini istilah radikalisme telah dikaitkan dengan isu *terrorism* dan istilah radikalisme juga telah digunakan dalam erti kata yang lebih sempit. Telah timbul seperti istilah seperti Islam radikal, Salafiyyah radikal atau istilah yang agak umum seperti radikalisme agama yang kesemuanya cenderung secara negatif dan tertumpu kepada Islam. Menurut **Abd Aziz Hussin** dan **Wan Min Wan Mat** (2017) dalam buku mereka yang berjudul "*Memahami Ideologi Jemaah Islamiah*," terdapat empat perbezaan dalam kumpulan gerakan Salafiyyah murni dakwah dengan kumpulan radikal atau Salafiyyah Jihadiyyah:

Kumpulan Salafiyyah Murni/Dakwah

- Menumpukan hanya kepada gerakan dakwah tanpa ada tujuan politik.
- Memahami bahawa untuk menegakkan Islam dengan ilmu, amal dan dakwah.
- Tidak mempunyai struktur organisasi yang khusus dan tidak menentang pemerintah Islam.
- Memahami jihad perang hanya untuk mempertahankan diri daripada musuh.

Kumpulan Salafiyyah Jihadiyyah

- Menumpukan kepada usaha-usaha untuk menubuhkan negara Islam.
- Memahami bahawa menegakkan Islam melalui iman, dakwah, hijrah dan jihad (perang).
- Membentuk organisasi khusus yang bergerak menentang pemerintah Islam yang dianggap tidak mengamalkan Islam.
- Memahami jihad perang berlaku secara ofensif dan defensif.

Sumber: Buku "*Memahami Ideologi Jemaah Islamiah*"

Perlu dijelaskan bahawa bukan semua Kumpulan Salafiyyah bersikap radikal atau *terrorist*. Majoriti Salafiyyah bersifat moderat, mengambil pendekatan dakwah dalam membetulkan pemahaman umat Islam dan berusaha mengembalikan semua kegemilangan Islam sebagaimana yang telah dibangunkan oleh generasi salaf sebelum ini. Namun segolongan minoriti Kumpulan Salafiyyah menjadi radikal dan ekstrem apabila terpengaruh dengan kefahaman jihad global untuk menegakkan khalifah Islam.

Kumpulan Salafiyyah Jihadiyyah yang terdapat di seluruh pelosok dunia hari ini berpegang kepada ideologi yang sama iaitu ideologi Salafiyyah Jihadiyyah. Kumpulan ini bergerak menyusun gerakan jihad di kawasan masing-masing dengan membentuk rangkaian jihad secara global. Di Malaysia, kewujudan kumpulan Salafiyyah Jihadiyyah mula disedari oleh pihak berkuasa apabila terbongkarnya gerakan Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) pada bulan Mei 2001, Kumpulan Jemah Islamiah (JI) pada Disember 2001 dan kemudiannya Kumpulan Darul Islah Indonesia (DI) di Sabah pada 2006. Berdasarkan maklumat kumpulan Salafiyyah Jihadiyyah ini mempunyai hubungan dengan kumpulan al-Qaeda dan melakukan pelbagai kegiatan keganasan bersenjata berdasarkan keyakinan bahawa tindakan yang mereka lakukan adalah tindakan yang suci dalam membela Islam.

Dalam usaha untuk mencegah daripada tersebarnya fahaman Salafiyyah Jihadiyyah yang bersifat radikal beberapa langkah telah diambil oleh pihak berkuasa Malaysia termasuk yang terbaru ialah



inisiatif kerajaan Malaysia dan kerjasama negara Arab Saudi dengan penubuhan *King Salman Centre of International Peace* (KSCIP), serta kerjasama semua negara dalam usaha membanteras keganasan di seluruh dunia dan juga di rantau ini. Selain itu, umat Islam yang menjadi elemen terpenting perlu terus dipertingkatkan kefahaman keagamaannya agar menjadi potensi yang positif terhadap pembangunan negara dan bangsa dan juga Islam sebagai agama kedamaian yang bersifat *wasatiyyah* dan tidak dicurigai kerana ajaran Islam sebagai aset teras ke arah pembangunan dan kemajuan bangsa dan negara. SR



PENAWAR HATI

SURI NOR ERZA SAIDIN

MAHASISWI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM)

Adam dijadikan daripada tanah. Manakala umat manusia pula dijadikan daripada air mani yang terpancar daripada dua tulang sulbi manusia. Seterusnya dijadikan pula setiap manusia mempunyai lima pancaindera iaitu mata, hidung, telinga, mulut dan anggota tubuh badan seperti kulit, telapak tangan, kaki dan sebagainya. Setiap kewujudan itu ada asbab dan musababnya yang tersendiri. Tidak pula sempurna seseorang itu jika tiada hati. Allah SWT menjadikan setiap tubuh manusia itu ada segumpal darah yang bernama hati. Hati yang mengawal setiap pergerakan dan amalan. Hal ini sesuai dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Ketahuilah, sesungguhnya pada setiap jasad ada seketul daging. Apabila ia baik maka baiklah seluruh anggota badan itu. Apabila ia buruk maka buruklah semua anggota badan. Ketahuilah bahawa ia adalah hati."* (Riwayat al-Bukhari).

Rentetan daripada hadith di atas, ketahuilah kita bahawa setiap kekurangan diri kita sendiri adalah berpunca daripada diri kita sendiri dan tiada kaitan dengan sesiapa. Allah SWT mengurniakan setiap insan itu sekeping hati. Jika kita tidak menjaga hati itu sebaik yang mungkin, pasti kerosakan untuk diri kita. Hati dalam bahasa arabnya adalah *qalbu* yang mempunyai tiga huruf dalam perkataan ini iaitu ق ل ب yang bermaksud perubahan. Selain itu, hati mengikut fahaman manusia pada masa kini ialah tempat terletaknya perasan cinta, marah, benci dan sebagainya. Hal ini menjelaskan lagi bahawasanya hati ini akan berubah-ubah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Dinamakan hati (al-qolbu) kerana cepatnya berubah."* (Riwayat Ahmad).

Sesiapa sahaja yang dipasangkan hatinya kerana Allah SWT ataupun berserah diri semata-mata kerana Allah SWT juga akan berasa berbolak-balik atau berubah-ubah dalam hatinya. Ini kerana Allah SWT tidak tidur untuk menguji tahap keimanan seseorang hamba-Nya. Allah SWT ingin melihat dan mengetahui sejauh manakah hati seseorang itu kepada-Nya.

Dewasa ini, tidak dinafikan lagi bahawa kita sememangnya tidak boleh lari daripada penyakit hati yang boleh mendorong ke arah kerosakan dan kebinasaan ummah.

Pelbagai jenis penyakit hati yang mengundang ke arah kemusnahan seperti sompong, dusta, ujub (kagum akan diri sendiri), hasad dengki, riya', serta bakhil dan kikir.

Biasanya, sikap sompong, riya' dan ujub (kagum dengan diri sendiri) akan terjadi kepada orang yang mempunyai pangkat yang tinggi dan orang yang merasakan dirinya memiliki kelebihan yang tidak dimiliki oleh orang lain. Contohnya seperti orang yang berjawatan tinggi, kaya, orang yang bekerja di jabatan yang besar, mempunyai kelebihan dan bakat yang tidak semua orang miliki dan sebagainya. Pantang sekiranya dipuji, secara automatik dia akan menjadi seorang yang sompong, riya' dan ujub (kagum akan diri sendiri) sehingga mendatangkan buah mulut orang dan golongan ini akan dipulaukan sekiranya ia terjadi.

Seterusnya, penyakit yang kebanyakannya menular kedalam hati seseorang manusia itu pula adalah penyakit bakhil dan kikir. Penyakit ini adalah penyakit yang sayang dan cinta akan harta dunia. Harta dunia yang hanyalah seketika dan penuh tipu helahnya. Golongan ini bakhil dan kikir akan harta dunia yang sebenarnya ia datang daripada Allah SWT kepada kita dan bukanlah hak milik kita sepenuhnya. Harta tersebut boleh dijadikan bekalan sekiranya kita membelanjakannya untuk jalan Allah SWT. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Tiga perkara yang dapat menghancurkan, iaitu kebakhilan yang ditaati, hawa nafsu yang dituruti dan ujub seseorang terhadap dirinya."* (Riwayat at-Tabrani).



Pelbagai ragam manusia terlihat pada dewasa ini. Sikap demi sikap yang buruk dan tidak baik dikemukakan secara tidak langsung. Tambahan pula, apabila sikap iri hati dan dengki menular ke dalam hati seseorang. Perkara yang kecil akan dianggap besar. Tidak boleh sekiranya ada seseorang yang lebih daripadanya, pasti akan ada secalit perasaan iri hati. Perasaan dengki menguasai hati golongan yang tidak boleh melihat kesenangan orang lain dan melihat kehancuran seseorang itu sahajalah yang boleh membuatkan hatinya gembira. Antara iri hati dan dengki, dengki adalah lebih bahaya daripada iri hati. Dalam tidak sedar, kadangkala sebenarnya iri hati ini akan mendatangkan semangat dalam diri seseorang sehingga mampu untuk bangkit maju bersama-sama. Berbeza dengan dengki yang terus-menerus ke arah kejahatan.

Dusta juga tergolong dalam penyakit hati. Dusta atau dikenali sebagai penipuan inilah yang sering berlaku dalam kalangan kita. Kita sanggup menipu semata-mata untuk mengaburi mata dan fikiran orang lain. Ini juga boleh memburukkan orang lain sekiranya kita berkata dusta. Hal ini disebabkan ingin mendapatkan keuntungan atau mengurangi sukatan dalam berjual beli ataupun kerana motif-motif lain. Pendustaan ini berlaku apabila niat di hatinya bertukar kepada kejahatan dan mengundang keburukan.

Penawar

Penyakit hati ini hanya boleh terubat sekiranya kita berzikir iaitu mengingati Allah SWT. Zikir merupakan satu kaedah yang memfokuskan kepada penyucian hati dengan mengingati nikmat-nikmat Allah SWT dan juga mengagumi keagungan-Nya. Dengan cara mengagumi keagungan dan kekuasaan Allah SWT, diri kita akan berasa syukur dan tenang

selagi kita masih beramal mencari keredhaan-Nya. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"(Iaitu) Orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah dengan 'zikrullah' itu, tenang tenteramlah hati manusia."* (ar-Ra'd: 28).

Mengingati Allah SWT ialah dengan mengagungkan-Nya, mengucapkan tasbih, tahmid dan takbir. Selain itu, termasuk dalam istilah zikrullah juga bahawa zikir ini ialah mengerjakan solat, menghadiri majlis ilmu dan membaca al-Qur'an. Menghadiri ceramah ataupun majlis ilmu juga merupakan salah satu zikir dalam mengingati-Nya. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Apabila kamu melalui taman syurga, maka hendaklah kamu singgah dan ambil perhatian. Sahabat bertanya, apakah taman syurga wahai Rasulullah? Baginda SAW menjawab, ia adalah halaqah (majlis) zikir. Sesungguhnya Allah SWT menghantar utusannya yang terdiri daripada malaikat mencari majlis zikir dan apabila malaikat melihat dan berjumpa dengannya, mereka saling menyebut perkara itu sesama mereka."* (Riwayat at-Tirmizi).



Di samping itu, pelbagai lagi cara yang boleh digunakan dalam membantu diri kita untuk menjauhi penyakit hati. Pertama, hendaklah muhasabah serta mengikhlaskan hati kita. Segala yang tertulis untuk kita terdapat hikmahnya yang tersendiri. Tidak semua yang terjadi itu kerana salah seseorang itu, tetapi mungkin juga ada salahnya diri kita sendiri. Sebagai contoh, kita menghukum anak-anak kerana kedegilannya. Tetapi sedar tidak sedar, kita menghukumnya bukan kerana kedegilannya, tetapi kerana kecuaian diri kita sendiri. Kita menghukumnya kerana salah dan kecuaian kita sendiri? Anak-anak ibarat kain putih, sekiranya cantik ukirannya, maka cantik jugalah kejadiannya. Maka muhasabahlah cara yang terbaik untuk kita merawat penyakit hati ini.



Seterusnya, menjauhkan diri daripada memikirkan sesuatu yang buruk. Jika berlaku sesuatu berlaku ke atas diri kita sendiri, berprasangka baik terhadap sesuatu itu. Ini dapat melegakan hati kita sendiri. Seterusnya bersifat pemaaf. Sekiranya kita memaafkan dan meminta maaf kepada seseorang itu, kita tidak akan mengalami sebarang kerugian, malahan kita akan dikurniakan ketenangan dan kedamaian yang akan hadir dalam hati kita secara serta-merta. Jangan pula kita berkira-kira dalam meminta maaf. Ungkapan sebegini perlu dielakkan: “*Dalam hal ini, dia yang salah, bukan saya!*” Ini boleh mengakibatkan pertegangan hubungan yang mungkin



boleh mengundang satu lagi perasaan iaitu dendam. Tidak salah sekiranya kita yang memulakan dahulu dalam menurunkan keegoan: “*Saya minta maaf dan maafkanlah saya.*” Bagi mengelak semua itu berlaku, kita mesti berfikiran terbuka dan meminta maaf, serta maafkanlah seseorang itu.

Kesimpulan: Jika kita mudah untuk sakit hati, maka segerakanlah dalam mengubati. Menerusi penawar ini, penyakit hati dalam diri kita dapat dielakkan dan dibendung. Secara tidak langsung, perhubungan dan perpaduan ummah tidak akan terancam dan terjejas, serta ia akan terjaga. Kita yang membina ummah, pandailah juga kita yang menjaganya. **SR**

Masjid-masjid di Negeri

Kedah Darul Aman

Bahagian Penerbitan, JAKIM

Negeri Kedah terletak di utara Semenanjung Malaysia dengan keluasan kira-kira 9,425 km persegi. Negeri ini turut dikenali sebagai negeri jelapang padi kerana aktiviti penanaman padinya yang pesat. Sebagai negeri yang dinaungi oleh pemerintahan beraja, kedatangan dan perkembangan Islam telah bermula sejak berabad lamanya. Mengikut catatan sejarah, syiar islam telah mendapat perhatian penting di Kedah. **Raja Phra Ong Mahawangsa** adalah raja pertama yang memeluk agama Islam dengan membawa gelaran **Sultan Muzaffar Shah**. Tambahan pula kegiatan perdagangan dengan negeri-negeri Arab telah menjadi pemangkin utama yang membawa kepada ramainnya rakyat Kedah memeluk agama Islam.

Kepesatan penempatan dan kegiatan dakwah telah membawa kepada pembinaan masjid dan madrasah, serta pengajian pondok di negeri ini. Kebanyakan dipelopori oleh golongan pedagang dan alim ulama', serta disokong oleh pemerintah Negeri Kedah ketika itu. Pembinaan masjid di negeri ini sentiasa bertambah dari semasa ke semasa dan reka bentuknya turut mengikuti peredaran waktu.

Masjid Zahir, Alor Setar


Masjid Zahir adalah masjid negeri, Negeri Kedah Darul Aman. Ia terletak di Jalan Pekan Melayu daerah Alor Setar. Masjid ini yang dikenali juga sebagai Masjid Raja telah dibina pada 22 Rabi'ulawwal 1330 Hijri bersamaan 11 Mac 1912 Masihi. Pembinaannya telah mengambil masa selama tiga tahun.

Masjid ini telah dibuka dengan rasminya oleh Almarhum Sultan Abdul Hamid Halim Shah pada 6 Zulhijjah 1333 Hijri bersamaan 15 Oktober 1915 Masihi. Masjid ini pernah menjadi pusat kegiatan keagamaan bagi masyarakat setempat dan merupakan antara masjid yang bersejarah. Ia didirikan di tapak pusara para pejuang Kedah yang telah gugur ketika mempertahankan Kedah daripada serangan Siam pada tahun 1821 Masihi.



Rupa bentuk Masjid Zahir diilhamkan daripada reka bentuk masjid yang terdapat di Sumatera utara dan Aceh. Antara masjid yang hampir menyamai masjid ini ialah Masjid Azizi yang terletak di Langkat, Sumatera. Pada dasarnya masjid ini berkonsepkan seni bina Moghul. Bangunan masjid ini dihiasi dengan kubah utama sebagai simbol lima rukun Islam.

Masjid ini berkeluasan kira-kira 124,412 kaki persegi dengan ruang dewan solat utama berukuran 62×62 kaki persegi. Dewan solat utama ini dikelilingi oleh beranda berukuran lapan kali lebar serta terdapat empat anjung. Setiap anjung pula dilengkapi dengan sebuah kubah. Menara masjid ini terletak di bahagian timur laut bangunan masjid.



Masjid Al-Bukhari, Jalan Langgar, Alor Setar

Masjid Al-Bukhari terletak di Jalan Langgar, Mukim Alor Malai, Alor Setar. Pembinaan masjid ini dibiayai oleh jutawan terkenal, iaitu **Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari**. Masjid ini dibina berserta dengan sebuah kompleks yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti hospital, tempat penginapan pelancong, ruang perniagaan dan lain-lain lagi. Di samping itu, di sini terdapat juga asrama anak yatim dan rumah warga tua. Sekolah yang berfungsi sebagai tempat pendidikan dan pembelajaran turut disediakan. Prasarana sebegini dianggap sebagai salah satu cara memakmur dan menggiatkan aktiviti masjid supaya tidak dipandang sepi.

Keindahan Masjid Al-Bukhari bukan sahaja dari sudut luaran, tetapi dalamannya turut diberi perhatian oleh perekanya. Pembinaan masjid ini berdasarkan reka bentuk masjid seperti yang terdapat di Turki dan Iran. Arkitek yang bertanggungjawab melahirkan reka bentuk masjid ini ialah RDA-Harris Architects Sdn.Bhd.



Terdapat tujuh buah kubah yang dibina pada masjid ini yang direka bentuk menyerupai gasing. Kubah-kubah ini berwarna biru dan dihiasi dengan lakaran-lakaran awan larat yang bermotifkan tumbuhan menjalar. Pada keliling ukur lilit kubah utama dihiasi tulisan khat jenis *Thuluth*. Reka bentuk pintu gerbang pada anjung masjid yang dibentuk berlapis-lapis dilihat seakan-akan menggamit siapa sahaja untuk beribadah di dalamnya. Pintu gerbang di dalam masjid yang dibentuk sebanyak lima lapisan ini melambangkan lima rukun Islam.



Masjid Al-Ghufran, Jalan Pegawai, Alor Setar

Selain daripada Masjid Al-Bukhari di Jalan Langgar, sebuah lagi masjid indah terletak di Jalan Pegawai yang telah dipelopori oleh **Tan Sri Syed Mokhtar**. Masjid ini dibina mengikut konsep kebanyakan masjid di Afrika dan Tanah Arab. Bentuk bumbung bersegi masjid ini dilengkapi dengan sebuah kubah utama di bahagian tengah dan didampingi oleh empat buah kubah kecil yang diletakkan di setiap empat penjuru bumbung.

Jika dibuat perbandingan, kedua-dua masjid ini mempunyai perbezaan dari segi reka bentuk. Masjid di Jalan Pegawai ini mempunyai hanya sebuah menara yang dibina secara terpisah daripada bangunan masjid itu sendiri, sedangkan masjid di Jalan Langgar, menara-menaranya dibina bersekali dengan bangunan masjid. Meskipun ada perbezaan, kedua-dua masjid ini mempunyai keindahan dan keunikan yang tersendiri, namun fungsinya sebagai sebuah tempat ibadah yang sangat dimuliakan tetap sama dan penting dalam meningkatkan syiar Islam.



Masjid Al-A'la, Simpang Empat, Kota Setar

Masjid ini merupakan antara masjid lama yang bercirikan reka bentuk seni bina Moghul. Kubah utama masjid ini berbentuk bawang dengan pilihan warna kuning untuk kubah utamanya, manakala kubah-kubah sampingan berwarna biru. Bumbungnya berbentuk sekata empat persegi. Antara bentuk seni bina Moghul yang ketara pada masjid ini ialah reka bentuk gerbang yang berulang-ulang, mendominasi bangunan masjid ini. Hiasan yang tidak keterlaluan dapat melahirkan pandangan yang jelas dan telus pada reka bentuk asas serta fungsi utama sebuah masjid sebagai tempat umat Islam beribadah dan berkumpul.



Masjid Sultan Muzaffar Shah, Sungai Petani

Masjid Sultan Muzaffar ini telah dirasmikan pembukaannya pada 2 Muharram 1418 Hijri bersamaan 9 Mei 1997 Masihi oleh Sultan Kedah. Rupa bentuk masjid ini mempunyai kelainan dan reka bentuknya beridentitikan tempatan.

Antara ciri seni bina Melayu yang terdapat pada masjid ini ialah bentuk bumbung tebar layar atau lebih dikenali sebagai bumbung piramid. Bumbung sebegini dapat mengelak kebocoran dan kerosakan yang cepat kerana proses pengaliran air hujan berlaku dengan mudah dan tidak bertakung. Ia juga mewujudkan pengaliran udara semula jadi di dalam masjid. Bumbungnya tidak dilengkapi dengan sebarang kubah walaupun ada masjid yang memilih bumbung begini meletakkan kubah sebagai komponen tambahan dan mercu tanda.

Pada prinsipnya ia dikategorikan sebagai masjid moden yang menggabungkan ciri-ciri tradisi tempatan dengan penggunaan struktur konkrit dan batu bata. Sekitar kawasannya dikelilingi padang rumput dan dihiasi dengan pokok-pokok bunga sebagai penyeri landskap.



Masjid Kuala Muda

Masjid Kuala Muda merupakan antara masjid yang telah terselamat daripada bencana tsunami yang melanda Kuala Muda, Kedah pada tahun 2004 Masihi. Walaupun di kawasan persekitarannya mengalami kemusnahan yang teruk, namun dengan kekuasaan Allah SWT masjid ini masih berdiri kukuh. Ia dapat membuktikan bahawa sesungguhnya “Rumah Allah” adalah tempat yang semulia-mulianya dan sesiapa yang berlindung di dalamnya akan terselamat daripada bencana. Jika dilihat kepada keseluruhan bangunan masjid ini, ia jelas berkonsepkan moden vernacular dan penampilan reka bentuknya adalah sederhana tanpa hiasan yang berlebih-lebihan.



Masjid Al-Hana, Langkawi

Masjid Al-Hana ialah sebuah masjid terkemuka di Langkawi. Ia telah dirasmikan oleh Perdana Menteri pertama Malaysia, **Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** pada tahun 1961 Masihi. Masjid ini pernah diubah suai pada tahun 1993 Masihi dan mampu memuatkan kira-kira 1,200 jemaah pada satu masa.

Reka bentuk masjid ini berkonsepkan seni bina Timur Tengah yang mempunyai menara-menara bersaiz besar dan kecil. Setiap satu menara ini dilengkapi dengan kubah mengikut kesesuaian. Kesemua kubahnya berbentuk bawang, namun terdapat dua warna yang membezakan antara kubah yang dibina di bahagian bumbung dengan kubah yang dipasang pada menara, iaitu pilihan warna kuning hitam dan warna biru. Ukiran-ukirannya dikatakan mengikut hiasan kehebatan seni Islam dari Uzbekistan. **SR**



KEMUNDURAN

UMAT ISLAM DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI

MOHD KALAM MAZAD ABD RAHMAN

PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN PENERBITAN, JAKIM

Sains dan teknologi dalam kehidupan manusia pada zaman moden ini tidak dapat dipisahkan lagi. Ia tidak ubah seperti isi dengan kuku. Semakin hari terus berlalu dan zaman silih berganti, dunia terus mengecapi kemajuan dan peningkatan dalam pelbagai bidang kehidupan, terutamanya dalam bidang sains dan teknologi, malah boleh dikatakan setiap kali berlalu beberapa ketika, pasti ada penemuan baru dalam bidang ini. Segala penemuan baru yang ditemui hanyalah bermatlamatkan untuk mencari kesenangan dan keselesaan hidup manusia serta memperbaik lagi taraf kehidupan dari semasa ke semasa. Sebelum meneruskan perbincangan ini, perlu diperjelaskan terlebih dahulu beberapa takrifan penting mengenai sains dan teknologi. Termasuk juga penerangan tentang fuqaha' bagi memudahkan pemahaman para pembaca.

Sains boleh didefinisikan sebagai suatu ilmu pengetahuan yang teratur (sistematis) yang boleh diuji atau dibuktikan kebenarannya. Ia adalah satu cabang ilmu pengetahuan yang berdasarkan kebenaran atau kenyataan semata-mata (fizik, kimia, biologi dan lain-lain lagi).

Selain itu, sains juga didefinisikan sebagai suatu kaedah yang digunakan untuk sampai kepada kebenaran mutlak, iaitu melalui kajian empirikal dengan pengumpulan data melalui pancaindera manusia sahaja dan dapat disimpulkan di sini bahawa proses sains moden adalah secara rasional sahaja.

Sementara itu, teknologi pula bermaksud: *Penggunaan bersistem akan pengetahuan-pengetahuan sains untuk tujuan amali*. Menurut "Kamus Dewan": *Teknologi ialah satu aktiviti atau kajian yang menggunakan pengetahuan sains untuk tujuan praktis dalam industri, pertanian, perubatan, perniagaan dan lain-lain lagi*.

Setelah mengetahui definisi dan pengertian sains dan teknologi, kini lihat pula siapakah pula yang dimaksudkan dengan fuqaha' itu. *Dalam penulisan ini, fuqaha' lebih merujuk kepada mereka yang mengetahui dan memahami persoalan yang berkaitan dengan wahyu (al-Qur'an dan hadith), serta mahir dalam persoalan hukum syariah secara terperinci*.

Kita sedia maklum pada hari ini, segala penemuan, ciptaan alat-alat kemudahan seperti peralatan komunikasi, pengangkutan, perubatan, kejuruteraan dan sebagainya, kesemuanya dicipta oleh ahli-ahli sains dan para sarjana yang kebanyakannya berasal dari barat. Jelaslah pada hari ini bahawa segala kemajuan, kecanggihan dan kemantapan zaman ini terus dicorak, diwarnai, direka dan dilhamkan mengikut corak dan cita rasa yang tidak mengikut acuan dan saranan Islam, tetapi mendominasi dan mengikut cita rasa barat yang jelas menentang dan memusuhi Islam dan penganutnya.

Jika kita perhatikan kembali sejarah kegemilangan tamadun Islam dahulu, kita akan dapat pada ketika itu, umat Islam menguasai dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuklah dalam bidang sains dan

teknologi ini. Terdapat ramai dalam kalangan tokoh dan para sarjana ilmuwan Islam yang bergerak cergas menimba dan mengkaji pelbagai lapangan ilmu dan persoalan kehidupan sehingga mereka berjaya menonjolkan kecemerlangan dan kehebatan Islam di mata dunia.

Namun pada hari ini, ia hanya peninggalan sejarah silam. Segalanya telah berubah, kegembilangan intelektual bukan milik Islam lagi. Umat Islam kini berada jauh ketinggalan di belakang dan semakin hari semakin mundur dan ketinggalan dalam pelbagai bidang kehidupan terutamanya dalam bidang sains dan teknologi. Mereka hanya tahu menadah dan menggunakan sahaja segala produk dan penemuan baru ini. Semakin hari, semakin banyak penemuan dan ciptaan baru ditemui dan dihasilkan, serta cetusan idea para pakar Non-Muslim dalam bidang kemahiran masing-masing. Ia muncul seiringan dengan keperluan, permintaan dan kehendak masyarakat pada hari ini.

Mengapa keadaan dan situasi seperti ini boleh berlaku pada hari ini, sedangkan suatu masa dahulu umat Islam pernah melahirkan tokoh saintis dan ilmuwan Islam yang hebat dalam sejarah ketamadunan manusia khususnya pada zaman kegembilangan tamadun Islam. Jika diperhatikan sehingga ke hari ini, sumbangan dan penemuan mereka masih dapat ditemui dan diguna pakai oleh semua golongan manusia pada zaman moden dan globalisasi ini. Malah sesetengah penemuan tersebut amat penting dalam kehidupan manusia.



Dalam pada itu, saintis Islam juga telah menempa kejayaan gemilang dalam pelbagai bidang, dari bidang sains, ilmu bintang, sains hayat sehingga kepada ilmu seni bina terutamanya pada zaman perkembangan Islam antara abad ke 7 Masihi hingga ke 16 Masihi. Kesemuanya telah dimonopoli dan diterokai oleh para sarjana dan intelektual Islam pada zaman itu.

Sayang seribu kali sayang, kesemuanya itu hanya menjadi kenangan yang indah dalam lipatan sejarah umat ini. Kemanisan peninggalan sejarah kegembilangan silam sudah berakhir.

"Ke manakah perginya para sarjana dan cerdik pandai Islam yang pernah memberikan sentuhan ajaib kepada perkembangan dunia intelektual manusia?"

"Adakah mereka sudah pupus dari masyarakat Islam pada hari ini?"

"Adakah mereka sudah kehabisan idea untuk terus mengkaji dan menghasilkan penemuan baru?"

"Adakah gerakan dan aktiviti ilmiah mereka terganggu disebabkan halangan dan tegahan yang dikenakan oleh pihak tertentu dalam kalangan masyarakat Islam itu sendiri ke atas kajian yang ingin dilakukan oleh mereka?."

Dalam membincarakan persoalan tentang halangan dan sekatan yang diberikan kepada golongan ahli sains Islam untuk melakukan kajian dan eksperimen terhadap sesuatu perkara, kita dapat



perhatikan sebagai contohnya sekatan dan halangan yang telah diberikan kepada seorang tokoh sains Islam, iaitu Ibn Sina. Beliau telah dihalang untuk membuat kajian mengenai aliran darah dalam tubuh manusia.

Dalam kajian tersebut, beliau ingin menggunakan jasad mayat manusia sebagai bahan ujikajinya. Namun, kajiannya terpaksa dibatalkan akibat daripada larangan yang dikeluarkan oleh beberapa fuqaha' pada zaman tersebut. Mereka melarang kajian tersebut daripada dilakukan kerana menurut mereka perbuatan tersebut akan menyeksa mayat dan perbuatan menyeksa mayat adalah dilarang dalam Islam.

Selain Ibn Sina, seorang lagi tokoh intelektual Islam silam yang menerima nasib yang sama dengannya adalah Ibn Rusyd. Kajian beliau tentang penciptaan alam ini juga mendapat tentangan dan bantahan dari seorang tokoh fuqaha' yang terkenal pada zaman tersebut iaitu al-Ghazali.

Berasaskan dua contoh larangan yang telah disebut: "*Adakah pandangan fuqaha' yang agak jumud seperti ini yang menjadi faktor utama kepada kemunduran umat Islam dalam bidang sains dan teknologi pada hari ini?*" ataupun "*Mungkinkah terdapatnya sebab-sebab lainnya yang menyebabkan*

berlakunya kemunduran tersebut?"

Selain itu, "*Siapakah yang harus dipersalahkan di atas kemunduran ini?*" "*Adakah para ahli saintis dan ahli akademik Islam yang bersalah?*" ataupun "*Adakah ia kesalahan para fuqaha' silam yang terlalu berfikiran jumud dan sempit?*"

Namun bagi menjawab persoalan ini agar kita tidak membuat tuduhan secara rambang dan menuding jari ke arah pihak yang tertentu agar mereka memikul tanggungjawab di atas kemunduran ini, kita perlu memerhatikan terlebih dahulu beberapa perkara yang berkaitan dengannya agar jawapan yang akan dikeluarkan nanti tidak menjatuhkan autoriti mana-mana pihak yang terlibat, sama ada para fuqaha' Islam itu sendiri ataupun para ahli sains Islam silam. SR



Desiran Ombak

ASRUL EFFENDI KAMARUZZAMAN
PENOLONG KURATOR

Sayup-sayup kedengaran suara ombak menghempas pantai. Buih-buih memutih kelihatan berapungan membasahi gigian pantai. Sekejap timbul dan sekejap hilang. Apabila ditolak dan ditarik ombak. Matahari kelihatan bersinar indah di kaki langit biru. Bersama gumpalan awan putih yang menebal.

Cahaya matahari yang terang-benderang menyinari seluruh alam semesta. Bayu laut bertiup sepoi-sepoi bahasa. Rasa nyaman dan dingin jelas terasa membelah suasana. Pohon-pohon hijau yang tumbuh di tepi pantai seperti menari-nari apabila ditiup angin yang datang daripada arah laut. Adakalanya ke kanan dan adakalanya ke kiri. Mengikut irama angin yang bertiup.

Daun-daun hijau yang bergeseran antara satu sama lain jelas kedengaran menyanyikan lagu merdu. Jiwa yang dilanda duka lalu jadi terhibur apabila mendengarnya. Daun-daun kering yang berguguran ditiup angin jelas kelihatan bertaburan di atas permukaan pasir yang memutih dan halus.

Sesekali kedengaran bunyi gemertap ranting patah jatuh ditiup angin dan menimpa permukaan pasir. Jalur-jalur cahaya matahari yang lurus kelihatan menembusi celah-celah dedaunan hijau dan terpantul di atas permukaannya. Butiran pasir yang halus dan memutih kelihatan berkilau-kilauan umpama mutiara di dasar lautan apabila disinari cahaya matahari yang semakin menerik.

“Hidup kita tak ubah seperti air laut yang membiru. Pasang dan surut silih berganti. Dalam erti kata lain penuh dengan warna-warna suka dan duka,” Adnan bersuara sambil menarik nafas yang panjang.

“Aku memang tak nafikan apa yang kau katakan tu, Nan. Hidup kita ni tak ubah seperti putaran roda.

Ada ketikanya kita berada di atas dan ada ketikanya kita berada di bawah,” balas Nora.

“Sebab itu aku banyak menulis tentang kisah suka duka kehidupan manusia,” dia menambah lagi.

“Aku dah baca karya-karya kau. Menarik dan hebat. Bukan saja kau tulis tentang kisah kehidupan manusia. Malahan aku dapat kau jugak menulis tentang manusia yang rindukan Tuhan dan kedamaian,” ulas Nora pula sebaliknya.

Angin laut yang tadinya bertiup sepoi-sepoi bahasa tiba-tiba bertukar menjadi kencang. Bunyi pohon-pohon bergoyangan dan daun-daun hijau terbuai-buai ditiup angin jelas kedengaran membelah suasana. Rasa nyaman dan segar jelas terasa menyapu seluruh kawasan Pantai Teluk Kemang, Port Dickson. Sebuah kawasan peranginan yang masyhur dan menjadi tumpuan utama pelancong tempatan dan luar.

Tudung yang menutupi kepala Nora kelihatan mengerbang apabila ditiup angin. Dia kemudian lalu membetulkannya.





“Aku tidak merasakan karya-karya yang aku hasilkan hebat dan menarik. Ada lagi yang lebih hebat daripada aku. Tambah pulak aku belum lagi setanding dengan penulis-penulis yang telah terkenal dan menempa nama dalam dunia penulisan di tanah air ini.” Dia sebaliknya merendah diri apabila mendengar kata-kata Nora itu.

“Aku berkata dengan ikhlas, Nan!” angguk Nora pula dengan pantas.

“Aku gemar membaca puisi-puisi yang kau tulis,” katanya lagi.

“Aku ucapkan terima kasih di atas penghargaan dan pengiktirafan yang telah kau berikan itu. Amat besar ertiinya buat aku sebagai seorang penulis,” sambut Adnan.

“Kenapa kau memilih tema ketuhanan, kemanusiaan dan kedamaian dalam puisi yang kau tulis?” Nora semakin merancakkan lagi tajuk perbualan.

“Aku mahu pembaca bukan sekadar membaca apa yang aku tulis tapi berkongsi sama apa yang ingin aku luahkan,” dia menjawab.

Nora sebaliknya hanya mengangguk-angguk diam sahaja. Sebagai tanda faham dan mengerti dengan

jawapan yang diberikan Adnan itu. Dia kemudian lalu mengalihkan pandangan ke arah laut yang membiru. Kelihatan sebuah kapal sedang berlayar mengharungi lautan yang luas. Destinasi yang ditujunya sudah pasti pelabuhan bersama dengan bekalan yang dibawa. Dia kemudian lalu memandang semula ke wajah Adnan.

“Kapal yang sedang berlayar itu mengingatkan aku tentang perjalanan hidup kita di atas dunia. Perlu membawa bekalan yang secukupnya untuk dibawa ke pelabuhan yang kekal lagi abadi,” dia berkata.

“Sebagai manusia kita dituntut agar sentiasa bertaqwah dan beriman terhadap Allah SWT. Dengan mengikuti segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Agar kita mendapat keberkatan hidup di dunia dan akhirat,” balas Adnan pula.

“Tapi kita sebagai manusia terlalu mengejar dunia. Sehingga lupa kepada Tuhan dan amal ibadah,” ujarnya.

“Sebab itulah kita tidak boleh lari daripada hakikat bahawa yang baik itu datang daripada Allah SWT dan yang lemah serta khilaf itu datang daripada diri kita sendiri,” Adnan menambah.

Dia lalu diam. Dari raut wajahnya itu jelas kelihatan bahawa dia sedang memikirkan sesuatu. Angin yang tadinya kencang lalu bertukar menjadi lemah-gemalai. Rasa dingin dan nyaman jelas terasa menyapu permukaan kulit mereka berdua.

“Maafkan aku bertanya,” ucap Nora.





“Apa dia?” dia mengangkat kepala tinggi sedikit sambil memandang wajah Nora yang semakin jelita dan ayu itu apabila dihembus bayu laut yang bertiup.

“Adakah kau menulis kerana wang?” tanya Nora.

Dia sebaliknya lalu tersenyum.

“Soalan yang amat menarik,” jawabnya.

“Jawapannya sudah tentu amat menarik, bukan?” Dia memandang wajah Nazri.

“Aku tidak menulis kerana wang. Jauh sekali mengejar nama,” Nazri membalas.

“Menarik!” dia lalu mengangguk-anggukkan kepala dengan pantas. Sambil matanya tepat dan tidak berkelip-kelip sedikit pun memandang wajah Adnan.

“Aku menulis demi untuk mencari kepuasan diri sendiri,” dia bersuara tenang.

“Dalam sekali kata-kata kau tu dan penuh dengan makna. Baiklah. Teruskan. Aku nak dengar apa yang kau maksudkan tu!” Nora mengangguk-anggukkan kepala.

“Bagi aku kepuasan apabila karya aku disiarkan dan dibaca oleh pembaca. Terutamanya kau,” dia berkata sambil tersenyum memandang Nora.

“Oh, begitu!” angguk Nora pula sebaliknya.

“Bila masanya kau menulis?” dia menyoal tak henti-henti.

“Malam. Kesunyian dan kedinginan malam memberikan aku ilham untuk menulis. Tapi ilham ni tak menentu. Sekejap ada. Sekejap tak ada. Kadang-kadang langsung tak ada,” jawab Adnan pula sebaliknya.

“Nampaknya ilham ni macam air laut juga, ya. Ada ketikanya pasang. Ada ketikanya surut,” dia mengulas.

“Demikianlah perjalanan hidup yang kita lalui di atas dunia ni. Hari ni kita berasa gembira. Tapi esok belum pasti. Mungkin kita akan berasa duka. Semuanya bukan di tangan kita untuk menentukannya. Tapi ditentukan oleh Tuhan Yang Maha Esa,” kata Adnan dalam nada suara yang penuh tenang.

Dia sebaliknya lalu mengangguk-angguk diam. Desiran suara ombak menghempas pantai jelas kedengaran membelah suasana. Buih-buih memutih tak putus-putus membasahi gigian pantai. Memang enak rasanya apabila dapat menghirup udara pantai yang segar dan dingin. Inilah yang menjadikan Pantai Teluk Kemang sering mendapat tempat di hati pelancong tempatan mahupun luar.



“Dalam hidup ini kita perlu sentiasa bersyukur,” ucap Nora pula sebaliknya.

“Bila kita sentiasa bersyukur dalam hidup ini nikmat kehidupan akan berganda. Tapi kalau kita kufur maka nikmat yang ada pada kita pada bila-bila masa akan ditarik Tuhan. Sama-sama kita saling ingat-mengingatkan. Termasuk diri aku sendiri,” dia berkata.

“Aku teringat sebuah puisi yang pernah kau tulis di dalamnya menyebutkan bahawa apabila memandang ke langit tinggi rumput yang menghijau di bawah jangan sesekali dilupakan.” Nora nampaknya menghangatkan lagi tajuk perbualan.

“Hebat kau. Ingat setiap patah perkataan yang aku tulis dalam puisi yang aku hasilkan,” dia menyambut sambil tersenyum.

“Mesti la aku ingat. Aku kan peminat karya kau,” ucap Nora pula sebaliknya sambil membala-senyuman yang diberikan Adnan itu.

“Tak sangka aku. Dalam diam-diam aku ada peminat tegar rupanya,” katanya.

“Kau seharusnya berasa bangga kerana ada yang meminati karya kau,” tambah Nora lagi.

“Itu bagi kau. Tapi bagi aku tidak. Aku merasakan aku seorang penulis yang baru menapak. Seperti yang aku katakan pada kau. Aku bukanlah seorang penulis yang tersohor. Banyak lagi yang aku perlu belajar. Untuk menjadikan karya aku yang terbaik dan sentiasa mendapat tempat di hati pembaca,” balasnya.

“Kau nampaknya sentiasa merendah diri,” ucap Nora.

“Aku lebih senang begitu, Nora. Daripada berasa riak dan bangga apabila mendapat pujian,” tegasnya pula.

“Jelas kau berpegang kepada pepatah *ikut resmi padi makin tunduk makin berisi*,” kata Nora.

“Itu yang lebih baik daripada hidup menongkah langit,” dia menambah.

“Penulis memang pandai bermain dengan kata-kata,” ujar Nora lagi.

“Sebagai seorang penulis bukan saja perlu banyak karya tetapi juga perlu banyak membaca untuk menambahkan lagi ilmu di dada,” dia berkata.

“Aku harap kau akan terus berkarya, Nan. Untuk terus memperkasa dan memartabatkan lagi dunia penulisan di tanah air ini,” balas Nora pula sebaliknya.

“Terima kasih, Nora!” angguknya dengan pantas.

“Atas dorongan dan semangat yang kau berikan itu,” sambungnya lagi.

Suara desiran ombak yang menghempas pantai terus kedengaran membela suasana. SR

Pendekatan al-Qur'an MENANGANI ZINA

HASLINDA LUKMAN
PENOLONG PENGARAH KANAN
BAHAGIAN KELUARGA, SOSIAL DAN KOMUNITI, JAKIM

Perkataan zina dalam *Ensiklopedia al-Qur'an* (2007) berasal daripada akar kata yang terdiri daripada huruf *zai*, *nun*, dan *ya* yang bermaksud melakukan zina atau melakukan hubungan badan tanpa ikatan yang sah dari sudut agama. Dalam Bahasa Arab terdapat dua versi mengenai penulisan zina. Pertama: Kata zina dengan *alif mamdudah*. Kedua: Zina dengan *aliff al-layyinah*. *Zana*, *yazni*, *zinan* (زن) merupakan penulisan dengan *alif mamdudah*. Perkataan zina dalam bentuk kata kerja *mudhari'* disebut sebanyak dua kali dalam surah al-Furqan ayat 68 dan surah al-Mumtahanah ayat 12.

Majoriti ulama' fiqh mendefinisikan seks bebas sebagai zina. Terdapat pelbagai definisi yang diberikan oleh ulama' dan cendekiawan Islam berkenaan dengan zina. **Al-Syirazi** iaitu ahli fiqh mazhab asy-Syafi'i mendefinisikan zina sebagai persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki Islam dan yang hidup dalam negara Islam dengan seorang wanita yang dianggap haram disetubuhinya tanpa akad atau seumpamanya dan tanpa hak milik atau seumpamanya sedangkan dia seorang yang waras, baligh, bebas memilih dan tahu perbuatannya itu adalah haram (**Paizah Haji Ismail**, 1991). Sementara **Ibn Qudamah** ulama' mazhab Hanbali pula mentakrifkan: "Zina sebagai menyetubuh perempuan pada kemaluannya secara haram tanpa sebarang syubhah." Manakala **Imam al-Dasuki** daripada mazhab Maliki pula mentakrifkan: "Zina sebagai persetubuhan seorang yang mukallaf pada faraj manusia tanpa hak milik padanya mengikut hukum dengan cara yang haram." (**Paizah Haji Ismail**, 1991).

Pendekatan Menangani Zina

Pencegahan perbuatan zina adalah tugas semua umat Islam tanpa mengira peringkat dan kedudukan. Perkara ini selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Sesiapa yang melihat sesuatu kemungkaran, maka hendaklah mencegah dengan tangan. Sekiranya tidak mampu maka dengan lidahnya. Sekiranya tidak mampu, dengan hatinya. Yang demikian itu adalah selemah-lemah iman.*" (Riwayat Muslim).

Al-Qur'an menggariskan beberapa pendekatan dalam menangani zina:

● Pengukuhan Institusi Keluarga

Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Wahai orang yang beriman, peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu (berhala); neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan*".(at-Tahrim:6).

Sayyid Qutb dalam “*Tafsir Fi Zilalil Qur'an*” membincangkan ayat ini dengan terperinci berkaitan dengan tanggungjawab ketua keluarga terhadap ahli keluarga dalam pendidikan, ekonomi dan sosial. Kesemua perkara tersebut haruslah berpaksi dengan aqidah Islam, dinyatakan apabila amanah tersebut dapat dilaksanakan secara yang betul, maka perkara perbuatan maksiat dapat dihindari oleh semua ahli dalam keluarga.

Hasil Sidang Meja Bulat (2010) mendapati bahawa keruntuhan institusi kekeluargaan di Malaysia adalah penyumbang utama kepada berlakunya gejala sosial seperti zina dan kes pembuangan bayi. Institusi kekeluargaan adalah rapuh berdasarkan kepada peranan dan tanggungjawab yang dimainkan oleh ketua institusi sangat lemah. Mengikut teori sistem sosial menjelaskan bahawa dalam sesebuah institusi kekeluargaan, terdapat dalam kalangan ahli yang mempunyai peranan masing-masing bagi mengekalkan fungsi institusi tersebut. Seandainya terdapat seorang atau lebih ahli yang tidak berjaya memainkan peranan sewajarnya seperti yang diharapkan, maka ia akan melibatkan fungsi ahli-ahli lain juga akan turut terancam.

Ibu bapa atau penjaga yang sepatutnya menjadi ‘*role model*’ kepada anak-anak, mulai lemah apabila ibu bapa sibuk bekerja dan tidak berupaya menumpukan sepenuh perhatian kepada aspek didikan anak-anak. Justeru, anak-anak akan mengambil kesempatan ini untuk menjadikan rakan sebaya sebagai contoh dalam kehidupan. ‘*Peer Group*’ ini pada kebiasaannya akan mendorong para ahli ke arah aspek negatif dan mencuba sesuatu perkara yang baharu sehingga melanggar moral kemanusiaan. Keterlanjuran dalam bidang seksual akan memberi dampak kehamilan luar nikah dan seterusnya mengambil jalan singkat dengan pembuangan bayi.

Peranan ketua keluarga juga didapati longgar terutama dalam aspek pendidikan formal dan tidak formal yang diberikan kepada anak-anak. Ibu bapa juga tidak menjadi seorang pemimpin yang baik sebagai model atau secara ringkasnya tidak layak untuk memimpin institusi kekeluargaan. (**Muhammad ‘Uthman el-Muhammady**, 2010). Nilai dan budaya institusi kekeluargaan juga sangat rapuh. Nilai-nilai spiritual dan ketimuran telah mula kendur dan digantikan dengan kehidupan ‘ala barat’ yang seolah-olah menghalalkan pergaulan bebas antara



lelaki dengan perempuan. Jaringan sosial institusi kekeluargaan juga kurang memainkan peranan apabila jiran-jiran kurang mengambil peduli terhadap masyarakat. Pada umumnya masyarakat Malaysia sekarang akan rasa kurang selesa untuk mengambil tahu perihal institusi kekeluargaan jiran dan dianggap aktiviti kurang sihat.

Oleh itu peranan ibu bapa, datuk nenek dan saudara-mara seharusnya diperkasakan. Islam sebenarnya menekankan aspek pencegahan bermula pada peringkat awal lagi, iaitu sistem pendidikan keluarga dan masyarakat Islam menjaga anak-anak yang membesar dari terjebak dengan perkara yang mungkar seperti berzina (**Fauzi Asmuni**.2009). Oleh itu, rumah tangga seharusnya dibina berdasarkan keimanan dan komitmen suami isteri untuk membentuk suasana selesa iaitu suasana yang taat kepada Allah SWT, nasihat-menasihati dengan kasih sayang bagi sesama ahli keluarga mampu menjadi benteng untuk anak-anak terjebak dengan unsur-unsur luar yang buruk, lebih-lebih lagi zina. Oleh itu, setiap ibu bapa perlu sedar bahawa masa hadapan anak-anak terletak kepada suasana tarbiyah dalam rumah tangga. Jika suasana keimanan, keharmonian dan kasih sayang nescaya Allah SWT akan mengurniakan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Perkara ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: *“Orang yang beriman diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami menghubungkan (menghimpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam syurga) dan kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikit pun pahala amalan mereka. Setiap manusia terikat dengan amalan yang dikerjakannya.”* (at-Tur: 21).

Batas Pergaulan

Galakan Berkahwin

Islam mengharamkan zina dan menggalakkan umatnya berkahwin. Berkahwin atau pernikahan adalah cara semula jadi bagi manusia untuk mencerahkan kasih sayang dan mengawal hawa nafsu (**Abu Ar-Razi al-Mahdi**, 2002.). Antara hikmah perkahwinan ialah sebagai cara yang halal untuk menyalurkan keinginan nafsu seks dan mengelakkan daripada melakukan zina, seks sesama jenis, terlibat dengan pelacuran, seks rambang dan pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan. (**Abu Mazaya Al-Hafiz**, 2007). Melalui perkahwinan, keturunan dan kesucian diri manusia akan terpelihara dan terjaga. Perkahwinan merupakan asas pembentukan keluarga. Al-Qur'an mengambil berat soal perkahwinan sebagai salah satu tanda kekuasaan dan kebesaran Allah SWT sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: *"Antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan-Nya dan rahmat-Nya bahawa Dia menciptakan untuk kamu (wahai kaum lelaki), isteri-isteri daripada jenis kamu sendiri, supaya kamu bersenang hati dan hidup mesra dengannya, serta dijadikan-Nya antara kamu (suami isteri) perasaan kasih sayang dan belas kasihan. Sesungguhnya yang demikian itu mengandungi keterangan (yang menimbulkan kesedaran) bagi orang yang berfikir."* (ar-Rum: 21).

Bagi golongan yang berzina pula, firman Allah SWT yang bermaksud: *"Lelaki yang berzina (lazimnya) tidak ingin berkahwin melainkan dengan perempuan yang berzina atau perempuan Musyrik. Perempuan yang berzina itu pula (lazimnya) tidak ingin berkahwin dengannya melainkan oleh lelaki yang berzina atau lelaki Musyrik. Perkahwinan sedemikian terlarang kepada orang yang beriman".* (an-Nur: 3).

As-Sayuti (2002) menjelaskan bahawa sebab diturunkan surah an-Nur ayat 3 kerana seorang sahabat nabi ingin mengahwini seorang wanita penzina yang bernama Ummu Mahzul sebagai penjelasan bahawa seorang wanita penzina haram dikahwini kecuali oleh seorang penzina juga. Namun **Ibn Kathir** dan **Asy-Syinqithi** menyatakan: *"Sah perkahwinan penzina yang bertaubat dengan taubat nasuha seterusnya istiqomah melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT."*

Islam melarang pergaulan bebas tanpa batas antara lelaki dengan perempuan. Larangan ini dinyatakan oleh Allah SWT sebagaimana firman-Nya dalam al-Qur'an. Islam mengharuskan pertemuan antara lelaki dengan perempuan jika ia menjurus kepada matlamat yang mulia seperti mencari ilmu yang bermanfaat, amal ibadah, perkara kebaikan, jihad dan perkara lain yang memerlukan pengembelingan tenaga antara keduanya. Islam telah menggariskan batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan untuk manfaat manusia. Antara etika dan batas pergaulan antara lelaki dengan perempuan menurut Islam dapat diperhalusi menerusi firman Allah SWT dalam surah an-Nur ayat 30-31 serta hadith Nabi SAW:

Menundukkan Pandangan dan Menutup Aurat dengan Sempurna

Kewajipan menundukkan pandangan dan menutup aurat dengan sempurna telah disebut oleh Allah SWT dalam al-Qur'an melalui surah an-Nur ayat 30-31. **Imam asy-Syinqithi** menafsirkan ayat 30-31 surah an-Nur ini dengan menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan orang yang beriman, sama ada lelaki ataupun perempuan untuk menundukkan pandangannya dan menjaga kemaluannya. Termasuk menjaga kemaluhan daripada melakukan zina, homoseks dan lesbian agar tidak terlihat oleh manusia

Manakala **Imam Ibn Katsir** menafsirkan ayat ini bahawa Allah SWT memerintahkan hamba-Nya yang beriman agar mereka menundukkan pandangan daripada segala perkara yang diharamkan. Maka janganlah mereka memandang kecuali sekadar yang dibenarkan untuk dipandangnya. Mereka perlu menjaga pandangannya daripada perkara yang diharamkan. Jika kebetulan pandangannya memandang perkara yang diharamkan tanpa sengaja, maka hendaklah dia segera memalingkan pandangannya. Daripada Jarir bin Abdullah al-Bajali RA, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Aku bertanya kepada Baginda SAW tentang pandangan secara tiba-tiba, maka beliau memerintahkanku untuk memalingkan pandanganku."* (Riwayat Muslim).

● Wujud Batas/Had Pergaulan antara Lelaki dengan Perempuan.

"Wahai orang yang beriman, janganlah kamu masuk ke rumah nabi (menunggu makanan masak kerana hendak makan bersama) kecuali kamu dijemput untuk menghadiri jamuan, bukan dengan menunggu masa sajianya; tetapi apabila kamu dijemput, maka masuklah (pada waktu yang ditetapkan); kemudian setelah kamu makan, maka hendaklah masing-masing bersurai dan janganlah duduk bersenang-lenang dengan berbual-bual. Sesungguhnya sedemikian menyakiti dan menyusahkan Nabi SAW sehingga dia merasa malu (hendak menyatakan hal itu) kepada kamu, sedangkan Allah SWT tidak malu daripada menyatakan kebenaran. Apabila kamu meminta sesuatu yang harus diminta daripada isteri-isteri nabi, maka mintalah kepada mereka sebalik tabir. Cara yang demikian lebih suci bagi hati kamu dan hati mereka. Kamu tidak boleh sama sekali menyakiti Rasul Allah dan tidak boleh berkahwin dengan isteri-isterinya sesudah dia wafat selama-lamanya. Sesungguhnya segala yang tersebut itu adalah amat besar dosanya di sisi Allah." (al-Ahzab : 53).

● Tidak Berdua-duaan antara Lelaki dengan Perempuan.

✿ Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Ibnu Abbas RA bermaksud: *"Janganlah seorang lelaki berdua-duaan (khalwat) dengan wanita kecuali bersama-sama mahramnya."* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

✿ Sabda Rasulullah SAW lagi yang bermaksud: *"Janganlah salah seorang daripada kalian berdua-duaan dengan seorang wanita kerana syaitan akan menjadi ketiganya."* (Riwayat Ahmad dan at-Tirmizi dengan sanad yang sahih).

● Tidak Melunakkan Ucapan (Percakapan).

Seorang wanita dilarang melunakkan ucapannya ketika berbicara selain untuk suaminya. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Wahai isteri-isteri nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwah. Oleh itu, janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)."* (al-Ahzab: 32).

e. Tidak Bersentuhan antara Lelaki dengan Perempuan yang Bukan Mahram

✿ Sepertimana yang diriwayatkan daripada Aisyah RA yang bermaksud: *"Demi Allah, tangan Rasulullah SAW tidak pernah menyentuh tangan wanita meskipun ketika baiat."* (Riwayat al-Bukhari).

✿ Daripada Ma'qal bin Yasir bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Lebih baik bagimu jika sebatang paku besi dipacakkkan ke kepalamu daripada engkau menyentuh wanita yang tidak dihalalkan bagimu."* (Riwayat at-Tabrani dan al-Baihaqi).

✿ Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Jagalah diri kamu dari mendatangi wanita yang bukan mahram secara bersendirian. Aku bersumpah dengan Allah SWT yang memegang nyawaku, apabila seorang lelaki yang mendatangi seorang wanita yang bukan mahram sendirian maka syaitan akan sentiasa ada bersama-sama mereka. Lebih baik bagimu berselisih dengan seekor khinzir yang penuh lumpur daripada berselisih bahamu dengan bahu wanita yang tidak halal bagimu."* (Riwayat at-Tabrani).

Berdasarkan hadith di atas disimpulkan bahawa bersentuhan antara lelaki dengan wanita amat dilarang kerana ia mampu membawa kepada impak yang sangat buruk kepada manusia dan menghindari dari melakukan perbuatan ini akan membersihkan hati, jiwa dan perlakuan manusia daripada melakukan kejahanatan.



Hukuman

Selain aspek pemulihan dan pencegahan, aspek penguatkuasaan undang undang Islam juga seharusnya diperkasakan. Justeru dalam Islam kes melakukan seks di luar pernikahan adalah termasuk dalam dosa besar dan merupakan jenayah yang membolehkan pelakunya menerima hukuman yang berat iaitu 100 kali sebatan kepada yang masih bujang kerana mereka tidak mempunyai saluran yang sah untuk menyalurkan keinginan nafsu. **Hamka** dalam “*Tafsir al-Azhar*” menyatakan tentang wajibnya hukuman ini dijalankan dalam kalangan masyarakat Islam untuk menjamin kebersihan nasab dan membentuk masyarakat yang aman. Perkara ini dapat dilihat melalui firman Allah SWT yang bermaksud: *“Perempuan yang berzina dan lelaki yang berzina, hendaklah kamu sebat setiap seorang daripada kedua-duanya seratus kali sebat; janganlah kamu dipengaruhi oleh perasaan belas kasihan terhadap kedua-duanya dalam menjalankan hukum agama Allah, jika benar kamu beriman kepada Allah dan hari akhirat; hendaklah disaksikan hukuman seksa yang dikenakan kepada mereka itu oleh sekumpulan orang yang beriman.”* (an-Nur: 2).

Manakala bagi mereka yang telah berkahwin akan dikenakan hukuman rejam sampai mati. Menurut majoriti ulama' hukum rejam baru dapat dilaksanakan apabila perbuatan itu disaksikan oleh empat orang saksi atau pengakuan daripada orang yang melakukannya. (An Nisa': 15). Hukuman ini sebagai pengajaran kepada mereka yang mencari sumber yang haram sedangkan mereka mempunyai jalan yang halal. Manakala dalam al-Qur'an juga menyebut tentang kesaksian dusta dalam menuduh orang yang baik melakukan zina tanpa dapat dibuktikan juga akan menerima hukuman yang setimpal. Perkara ini disebut dalam surah an-Nur ayat 4 dan ayat 13.

Namun hukuman tidak boleh dijalankan dengan sewenang-wenangnya. Terdapat banyak syarat yang perlu diteliti sebelum hukuman dijalankan. Bahkan hukuman boleh juga dilaksanakan kepada penuduh orang yang berzina sekiranya tidak mencukupi syarat untuk seorang penzina dihukum. Perkara ini dapat dilihat dalam ayat 6 surah an-Nur berkaitan tuduhan Hilal bin Umayyah yang mengadu kepada Nabi SAW bahawa isterinya berzina dan Nabi SAW meminta dia membawakan saksi (**as-Sayuti.2002**). Begitu juga dengan ayat 11, 12, 13, 14, 15, 16, 17, 18, 19, 20, 21 dan 22 surah an-Nur yang berkaitan dengan saksi dan tuduhan zina.

Kesimpulan: Berdasarkan pengertian zina menurut al-Qur'an, jelas bahawa zina merupakan satu perbuatan yang sangat buruk serta berdosa besar (al Isra:32). Larangan supaya menjauhi zina sangat dituntut oleh Allah SWT. Al-Qur'an menggariskan panduan untuk menjauhkan diri daripada perbuatan zina. Perbuatan untuk tidak terjebak dengan zina sangat ditekankan dalam al-Qur'an untuk menjaga umat manusia dari terjerumus ke kancalah bahaya yang mampu menghancurkan nasab keturunan implikasi dari penyakit hati dan fizikal manusia. Al-Qur'an juga memberi amaran dengan hukuman yang berat serta azab seksa yang pedih bagi penzina. Al-Qur'an juga memberi kaedah penyelesaian dalam menangani isu zina untuk maslahah umat Islam dengan menutup aurat, membataskan pergaulan dan etika percakapan. Allah SWT tidak menjadikan dan mencipta sesuatu perkara dengan sia-sia. Oleh sebab itu, larangan-Nya kepada manusia terhadap perkara tertentu mempunyai hikmah yang tersendiri dan jelas. SR

WAQAF

PELABURAN AKHIRAT

MOHAMAD FADZIL AWANG

MAHASISWA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA (KUIM)

Islam menganjurkan umatnya untuk sentiasa melakukan amal kebaikan dalam usaha meningkatkan tahap keimanan seterusnya beroleh keredhaan Allah SWT. Sehubungan dengan hal itu, salah satu amalan yang dianjurkan oleh Islam ialah amalan waqaf. Secara umumnya, tidak terdapat ayat al-Qur'an yang menjelaskan secara khusus berkaitan konsep waqaf. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa al-Qur'an juga telah menyediakan asas-asas yang kukuh dalam mendorong pengamalan waqaf melalui ayat-ayat yang berkaitan dengan konsep sedekah. Firman Allah SWT yang bermaksud: "*Wahai orang yang beriman, belanjakanlah (untuk jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan daripada bumi untuk kamu. Janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu mendermakan atau kamu menjadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu) kecuali dengan memejamkan mata padanya. Ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi sentiasa Terpuji.*" (al-Baqarah: 267).

Menerusi ayat tersebut menjelaskan tentang anjuran amalan bersedekah bagi mendapatkan amal kebaikan dan beroleh ganjaran pahala. Ayat tersebut juga membawa maksud umum yang meliputi segala bentuk kebaikan atau sumbangan bagi tujuan kebijakan termasuklah amalan waqaf. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa amalan waqaf juga diklasifikasikan sebagai salah satu bentuk amalan yang terangkum dalam amalan sedekah. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa umat Islam digalakkan untuk sentiasa melakukan amal kebaikan bagi meraih ganjaran di dunia dan akhirat.

Persoalan yang timbul, segelintir umat Islam hari ini lebih mengetahui mengenai amalan sedekah berbanding amalan waqaf. Sedangkan amalan waqaf merupakan satu amalan yang memiliki keunikan dan keistimewaannya yang tersendiri, iaitu ganjaran amal kebaikan yang berpanjangan selagi waqaf tersebut mendatangkan manfaat kepada penerima waqaf. Sebagai contoh, pewaqaf telah mewaqafkan sebidang tanah untuk tujuan mendirikan masjid. Selagi masjid tersebut diimarahkan, maka pewaqaf akan menerima manfaat ganjaran amal kebaikan walaupun dia sudah meninggal dunia.

Sepertimana dijelaskan menerusi hadith: Daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "*Apabila anak Adam telah meninggal dunia, maka akan terputus kesemua amalannya kecuali tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang sentiasa mendoakan kedua-dua ibu bapanya.*" (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Jumhur Ulama' sepakat menyatakan maksud sedekah jariah yang telah disebutkan dalam hadith di atas turut merujuk kepada amalan waqaf. **Imam ar-Rafi'i** turut menyatakan bahawa amalan waqaf merupakan salah satu amalan yang terangkum dalam amalan sedekah yang sangat dianjurkan dalam Islam kerana termasuk dalam perbuatan amal soleh. Dalam pada itu, amalan waqaf bukan sahaja menjadi amalan ketika zaman pemerintahan Baginda SAW juga diamalkan ketika zaman para sahabat Baginda SAW.

Dalam satu kisah dinyatakan: Saidina Umar al-Khattab RA telah mewaqafkan sebidang tanah di Khaibar. Beliau berkata: *"Ya Rasulullah, aku mendapat tanah di Khaibar yang belumku mendapatkan harta yang lebih berharga menurut pandanganku."* Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Jika kamu suka tahanlah asal harta itu dan sedekahkan hasilnya. Lalu Saidina Umar RA menjadikan harta yang diperolehnya itu sebagai harta sedekah yang tidak boleh dijual, dibeli atau diwarisi."* (Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Selain itu, segelintir umat Islam pada masa kini tidak mahu mengamalkan amalan waqaf dalam kehidupan. Hal ini kerana, mereka beranggapan bahawa amalan waqaf sebenarnya hanya untuk kepentingan agama semata-mata seperti mewaqafkan tanah untuk mendirikan masjid atau tanah perkuburan. Bagi mereka, masjid dan tanah perkuburan yang sedia ada sudah mencukupi dan tidak perlu lagi untuk mereka mengerjakan amalan waqaf.

Hakikatnya, amalan waqaf tidak hanya terhad untuk kepentingan agama semata-mata. Sebaliknya harta waqaf juga boleh digunakan untuk tujuan lain seperti melestarikan pembangunan negara, memenuhi keperluan kebajikan rakyat, membasmi kemiskinan, keperluan pendidikan dan kesihatan. Jika diteliti, sememangnya benar amalan waqaf merupakan pembuktian manusia terhadap kesanggupannya menyerahkan kembali hak pemilikan hartanya kepada



pemilik asal yang mutlak, iaitu Allah SWT. Namun, secara tersirat amalan waqaf dapat mengurangkan jurang antara golongan kaya dengan miskin, serta menzahirkan amalan bantu-membantu antara satu sama lain. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Tidaklah engkau diwajibkan (wahai Muhammad) menjadikan mereka (yang kafir) mendapat petunjuk (kerana kewajipamu hanya menyampaikan petunjuk), tetapi Allah jualah yang memberikan petunjuk (dengan memberikan taufiq) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya (menurut undang-undang peraturan-Nya). Segala jua harta yang halal, kamu membelanjakan (untuk jalan Allah), maka (faedahnya dan pahalanya) adalah untuk diri kamu sendiri. Kamu pula tidaklah mendermakan sesuatu melainkan kerana menuntut keredhaan Allah. Segala jua sesuatu yang kamu derma daripada harta yang halal akan disempurnakan (balasan pahalanya) kepada kamu dan (balasan baik) kamu (itu pula) tidak akan dikurangkan."* (al-Baqarah: 272).



Justeru, kepada mereka yang dikurniakan nikmat harta kekayaan,jadikanlah ia sebagai satu pelaburan abadi yang akan menjadi bekalan tambahan sebelum menuju alam akhirat. Ketahuilah bahawa segala kekayaan yang kita miliki adalah pinjaman sementara yang dikurniakan oleh Allah SWT dan tidak akan kekal buat selamanya. Oleh yang demikian, gunakanlah kesempatan tersebut dengan sebaiknya agar ia mendatangkan manfaat kepada diri kita sekali gus mendatangkan manfaat kepada orang lain.

Perkara yang perlu difahami bahawa nikmat kekayaan itu sebenarnya merupakan ujian dan amanah yang perlu dijaga dan diurus dengan baik. Mereka yang bijak adalah mereka yang berjaya mengurus harta kekayaannya secara yang betul seperti melaksanakan amal kebaikan. Kadangkala ada segelintir antara kita yang tidak mahu mengeluarkan harta kerana takut miskin. Sedangkan perkara yang perlu ditakuti adalah azab Allah SWT kepada kita kerana tamak dan bakhil dengan kekayaan yang dimiliki. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Jangan sekali-kali orang yang bakhil dengan harta benda yang telah dikurniakan oleh Allah kepada mereka dari kemurahan-Nya, menyangka bahawa keadaan bakhilnya itu baik bagi mereka. Bahkan buruk bagi mereka. Mereka akan dikalungkan (diseksa) dengan kebakhilan itu pada hari kiamat kelak. Bagi Allah jualah hak milik segala warisan (isi) langit dan bumi. (Ingatlah), Allah Yang Maha Mengetahui segala yang kamu kerjakan dengan mendalam."* (ali 'Imran: 180).



Kesimpulan: Selaku Muslim yang patuh dan taat kepada perintah Allah SWT pasti akan sentiasa mencari ruang dan peluang dalam melaksanakan amal kebaikan. Jadikanlah waqaf sebagai amalan dalam kehidupan kita walaupun hanya kecil nilainya yang mampu kita waqafkan. Mudah-mudahan dengan nilai kecil yang telah kita waqafkan itu mendatangkan manfaat dalam kehidupan kita di dunia, seterusnya sebagai ganjaran tambahan yang berpanjangan sebelum menuju alam akhirat. Firman Allah SWT yang bermaksud: *"Bandingan (derma) orang yang membelanjakan hartanya untuk jalan Allah ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai. Setiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. (Ingatlah), Allah akan melipatgandakan pahala kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya. Allah Maha Luas (rahmat) kurnia-Nya lagi Meliputi ilmu pengetahuan-Nya."* (al-Baqarah: 261). SR

کسیم قولن، کیت ۋەرلۇ بىرسام-سام مېپوكۇغ دان
مېرىي كرجاسام كىد قىباڭايى لۇكە دان ۋەغواتكوا سائىن يۇغۇش
دجالىنکەن اولىيە ئىيھق كىمنتىرەن فرداڭىن دالى نىڭرى، كۆفراسىي
دان كەشكۈنەن (KPDNKK) باڭى توجوان ملىندۇغىي
كەشتىغان مشاركت سىباڭايى ۋەشكۈنەن. ترداشت بېراف لۇكە يۇغۇش
ۋەرلۇ دأمبىل، انتاراڭ:

ستياف ۋەغۇسەدا دان ۋەنیاڭى هەندىقلە بىرسىكىف
جوچور دان امانە دالى منجالىنکەن اكتىفيتىي
ۋەنیاڭاءن دان يقىن بەهاوا ستىاف يۇغۇش دلاكۆكىن
اكن دەھىتوغ دان دېرى بالىسن اولىيە الله
سبحانە و تىعالي.

ستياف ايندىيۇيدۇ ۋەرلۇ منجادى ۋەشكۈنەن
بىرلىمۇ، بىيچق دان تاھو حق سرتا كواس يۇغۇش
اد دتاڭىن مېرىك دالى مېبىنترىس ايسو-ايسو
ۋەنېنىدا سن دان ۋېنېۋان اولىيە ئىيھق يۇغۇش تىدق
برەشكۈنەجۇواب.

سىكىف ۋەرپەتىن دان بىرەشكۈنەجۇواب سموا
ئىيھق مۇغۇكىنەن كىسجهتىرەن دان كەممۇرن
نەكارا يۇغۇش ترچىتدا داشت دچاڭايى. **SR**

كەجاياءن سسوا تو او سەها تىدق دچاڭايى مەلەلۋىي
تىندقىن ساتو ۋېيەق سەمات-مات. اولىيە ايت، دالىم حال اين
تىدق سەھاروسىن ھاش ۋېيەق قىمىتىتە اتاو ۋەنیاڭ سەھاج يۇغۇش
سەدر اكىن تەشكۈنەجۇواب، بەكىن ۋەشكۈنە جوڭى سەھاروسىن
مما ئىنگەن ۋەران دان تەشكۈنەجۇوابنى. ۋەشكۈنە مەقۇپاڭىي حق
او نتوق مەداشت قىندىدىقىن دان مەلۇمەت يۇغۇش تىقت مەنائىي
بارىغۇن يۇغۇش دجوقىل باڭى مۇدەكىن مېرىك مېبوات دان مەننۇكىن
قىلىيەن مېرىك بىردا سەركەن ۋە خەدمەتن يۇغۇش دتاۋاركەن ۋە ھەركى يۇغۇش
كۆمەتىتىيف دان جامىن كۆاليتىي يۇغۇش مەواسىكەن. ۋەشكۈنە جوڭى
بىر حق او نتوق مەداشت قېلىساين يۇغۇش عادىل باڭى قېمبلىن بارىغۇن
دان تاۋارن ۋە خەدمەتن يۇغۇش تىدق مەواسىكەن سرتا بىر حق او نتوق
مەپوارا كەشتىغان ۋەشكۈنە دالى ۋەشكۈنەلەن دان ۋەلسانان داسەر
كراجائەن يۇغۇش بىر كائىتن.

سلامەن ايت، ۋەشكۈنە جوڭى بىر كواس او نتوق
مەپوارا كەشتىغان ۋەرلۇ لېيە رىيەقۇنىسىف تەھادە سالە
لاكۆ دالى ۋەنیاڭا ئەن دەن ملاۋەر كىد ۋېيەق يۇغۇش بىر كواس. دەن
كەت لائىن، ۋەشكۈنە سەھاروسىن منجادى مات دان تىليغا كىد
ۋېيەق بىر كواس دالى مېبىنترىس ايسو-ايسو ۋەنېنىدا سن دان ۋېنېۋان
يۇغۇش دلاكۆكىن اولىيە ئىيھق يۇغۇش تىدق بىرەشكۈنەجۇواب. حال اين
بىر تىقىن دەن سارانىن نبىي ﷺ سىباڭايىان حەديث يۇغۇش دروايىتكەن
إمام مسلم درىد ابى سعيد الخدري رضى الله عنہ بھاوا نبىي ﷺ
بىرسىدا مفهومىش: "درىد ابى سعيد الخدري رضى الله عنہ برکات:
ساي مندغۇر رسول الله ﷺ بىرسىدا: سىسيافا يۇغۇش مەلەت كەمنىكىن
مەك هەندىقلە دى مەۋوبە دەن تاڭىن، جىك تىدق مەقۇ مەك او بېلە
دەن لېسنى، جىك تىدق مەقۇ مەك (تولقلە) دەن ھاتىش دان حال
ترسېوت ادالە سلەماھ-لمەن إيمان. " (رواية مسلم).

کریضاں دچاری کبر کتن منتی

اولاهن : ازورا بنت ابراهیم
فتویق فکوایی حال إحوال إسلام

ادوق بارغ يع برموتو دان کورغ برموتو، منائیقکن هرک بارغ سسسوک هاتی دان پیمبوپیکن بارغ دعن توجوان منائیقکن هرک بارغ. سباکایی ساًورغ فنیانک يع برإیمان، سهاروسن ستیاس سدر بهاوا ستیاف تیندقن يع دلاکون اکن دھیتوغ دان دبیری بالسن او لیه الله سبحانه و تعالی، سباکایان فرمان الله سبحانه و تعالی دالم سورہ المؤمنون ایات ۱۱۵ يع برمقصود: "مک ادکه ٿاتوت کامو میٹک بهاوا کامی هاش منچیقتاکن کامو سیا-سیا سهاج؟ دان کامو تیدق اکن دکمبالیقن کفڈ کامی؟".

منلوسوری سیرا رسول الله ﷺ، بهاوا نبی ﷺ تله مغرکنل دان معمملکن میکانیسمی حیسبه (غمريقسائی دان قمتتاون) يع مان رسول الله ﷺ سریع بركونجوغ کثاشر اونتوق غمريقسا اکتیفیتی جوال بلي دان ڦنتوان هرک. ڦرنه سواتو کتیک نبی ﷺ منموئی عمالن منجوال بواه تمر سچارا تیدق جو جور يع مان ددافتی بواه تمر دلتکنن دالم بکس يع بسر دعن پیمبوپیکن تمر يع تیدق باعیق دبهانکن باوه بکس ترسیبوت سوچای تیدق دسدری او لیه ٿمبلي. مليھت فنیقوان يع دعملکن این، نبی ﷺ برسبدًا يع مفهومش: «سسياقا يع منیقو مک دي بوکن دري كالعن کامي یاءیت بوکن دري كالعن اورغ يع سمغورنا ايمان دان باعیق إسلامش». (رواية البخاري).

إسلام اداله اکام کسجهتراءن يع داتع در قد الله سبحانه و تعالی اونتوق سلوروه مائنسی. اجرن دان ڦندوانش مليقوی سکنف اسفیک کھیدوڻن ترماسوق دالم کونتیک س منچاری رزقی يع حلال. اکام إسلام مندغ بهاوا منچاری رزقی دان کسنغن هیدوف اداله ساتو ٽونتوتن اتاو کواجیڙن کأتس ستیاف مائنسی، سام اد اونتوق دیریش سنديري ماھوڙون اورغ يع دباوه تعکو عنش. نامون اف يع فتیع رزقی يع دفراوليھی ایت هندقله دری سومبر يع حلال، باعیق دان دبرکتی. او لیه ایت، دالم کیت منچاری رزقی چونتوهڻ سباکایی ساًورغ فنیانک اتاو ڦعووها هندقله کیت معمملکن صفة يع جو جور، امانه دان تیدق ملاکون فنیداسن کأتس اورغ لاءین. او سها اين بوکن سهاج مندانتعکن حاصلیل رزقی ماله اکن دبیری گنجرن او لیه الله سبحانه و تعالی.

سفرتیان سبدًا نبی ﷺ دالم حدیث يع در وايتکن او لیه إمام الترمذی در قد ابی سعید الخدیری رضی الله عنہ بهاوا رسول الله ﷺ برسبدًا مفهومش: «دری ابی سعید الخدیری رضی الله عنہ بهاوا نبی ﷺ برسبدًا: فنیانک يع دافت دفرچایاءی دان امانه، اکن برسام ٿارا نبی، اورغ يع دافت دفرچایاءی دان اورغ يع ماتی شهید». حدیث این مبڑی مقصود بهاوا ستیاف فنیانک هندقله ستیاس جو جور دالم ستیاف اکتیفیتی فرنیاکان دان مغیلکن فنیقوان سقری مغور غکن تیمبعن، منچمغور

**Adakah anda seorang PENULIS?
Mungkin bermula di sini anda akan menjadi penulis terkenal?
Anda ingin CUBA MENULIS?
Anda berhasrat memberi sumbangan dalam Majalah SINAR ROHANI?
Anda boleh menulis bermula sekarang.**

HANTAR TULISAN ANDA SEGERA!!

Bayaran akan dibuat setelah artikel anda diterima dan disiarkan

BORANG SUMBANGAN

Nama :

Nama Samaran (Jika ada) :

Alamat :

Poskod : Negeri :

No K/P : No. Tel :

Pekerjaan :

Tahap Pendidikan :

No Akaun :

Bank :

Cawangan :

Tarikh :

Sajak

Pengurusan Islam

Aqidah

Isu

Islam dan Semasa

Halal dan Haram

Sains dan Islam

Cerpen

Global

Muamalat


Sila yang berkenaan.

**Hantar Sumbangan Anda
ke alamat**

**Pengarang Majalah SINAR ROHANI,
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,
Aras 6, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya
Emel : sinar.islam@1govuc.gov.my**

Jami‘ At-Tirmizi

Jilid 1



INFO BUKU
ISBN 978-983-042-563-4
Cetakan Pertama: 2015
Bil. Halaman: 510
Harga: RM83.00

Kitab Jami‘ at-Tirmizi karangan Imam at-Tirmizi merupakan kitab hadith yang menempati kedudukan keempat berbanding *al-Kutub as-Sittah* yang lain iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim*, *Sunan Abu Daud*, *Jami‘ at-Tirmizi*, *Sunan an-Nasa‘i* dan *Sunan Ibn Majah*. Antara keistimewaan kitab ini ialah kandungan hadith-hadithnya yang meliputi pelbagai topik dan bidang bukan sahaja terhad kepada hadith-hadith hukum sahaja.

Ia turut memuatkan maklumat perselisihan ulama’ mengenai amalan ibadah berdasarkan hadith sama ada daripada sahabat, *tabi‘in*, *atba‘ at-tabi‘in* dan ulama’ mujahidin, pandangan ulama’ terhadap perawi dari sudut *al-Jarh wa at-Ta‘dil* dan yang paling penting sekali ialah darjah hadith oleh Imam at-Tirmizi pada sebahagian besar hadithnya.

Melalui kitab ini juga, pembaca didedahkan dengan pendapat Imam asy-Syafi‘i mengenai sesuatu amalan ibadah berdasarkan hadith yang dibincangkan. Justeru, ia boleh dijadikan sumber rujukan bagi mengenal pasti pendapat Imam asy-Syafi‘i dalam sesuatu ibadah.

HUBUNGI KAMI DAN DAPATKAN NASKHAH ANDA DI:

Unit Edaran dan Promosi, Bahagian Penerbitan, JAKIM,
Aras 3, Blok B, Kompleks Islam Putrajaya,
No. 23, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya.
Tel: 03-8870 7445 / 7446
Emel: promosi.islam@1govuc.gov.my

Kedai Buku JAKIM Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
Lot. 4, Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin,
No. 25, Jalan Tunku Abdul Rahman, Presint 3,
62100 Putrajaya.
Tel: 03-8890 3669
Emel: kedaibuku.islam@1govuc.gov.my